

*KEGUNAAN
DALAMAN SAHAJA*



MODUL CAKNA BAHASA **SPM 2021**



Diselenggara oleh :
WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
bersama
GABUNGAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SE-MALAYSIA
(PLATFORM TELEGRAM BM KSSM)



**PENGGUBAL MODUK CAKNA BAHASA MELAYU KSSM SPM 2021
(AHLI-AHLI KUMPULAN TELEGRAM TELEEDU)**

1. NAMA PENUH : WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
NAMA SEKOLAH : MAKTAB RENDAH SAINS MARA, KUANTAN, PAHANG
2. NAMA PENUH : SATIA BINTI AMAT
NAMA SEKOLAH : SMK SERI PERLING, JOHOR BAHRU, JOHOR
3. NAMA PENUH : HASFARIZA BINTI ABDUL HAMID
NAMA SEKOLAH : SMK KG SOEHARTO, SELANGOR
4. NAMA PENUH : SUZAINA CHEE
NAMA SEKOLAH : SMK TAMAN PERUMAHAN BEDAUN, WP LABUAN
5. NAMA PENUH: NURUL ANIZA BINTI PAIMAN
NAMA SEKOLAH: SMK PADUKA TUAN, SEGAMAT, JOHOR
6. NAMA PENUH:NORLIAH BINTI MUSTAPIN
NAMA SEKOLAH: SMK ST PETER BUNDU,KUALA PENYU,SABAH.
7. RODZLINA BINTI ABU BAKAR
SMK TAMAN TASIK, TAIPING, PERAK.
8. NAMA PENUH : ROHANI BINTI ABDULLAH
NAMA SEKOLAH : SMK SULTAN YAHYA PETRA 1, 18000 KUALA KRAI, KELANTAN.
9. NAMA PENUH: VOON TZE MING
NAMA SEKOLAH : SMK PUJUT MIRI, SARAWAK
10. NAMA PENUH : JAMILAH BINTI HAMDAN
NAMA SEKOLAH : SMK OYA, DALAT, SARAWAK.
11. NAMA PENUH: NOR ASIKIN BINTI MOHD AMIN
NAMA SEKOLAH: SMK TAMAN NUSA DAMAI, PASIR GUDANG,JOHOR
12. NAMA PENUH: EVA SORNAM GUNASEGARAN
NAMA SEKOLAH: SMK TENGKU JEMAAH, KLANG, SELANGOR.
13. NAMA PENUH: HAFIZAH BINTI HARON
NAMA SEKOLAH: SMKA TUN JUHAR, SANDAKAN, SABAH
14. NAMA PENUH : JAUHARIAH BINTI PARMIN
NAMA SEKOLAH : SMK BANDARAYA KOTA KINABALU, SABAH
15. NAMA PENUH : NOOR FARIDAH BINTI BERAHIM
NAMA SEKOLAH : SMK BUKIT SENTOSA 2, RAWANG SELANGOR
16. NAMA PENUH: SHAMALA A/P RAMACHANDRAN
NAMA SEKOLAH: SMJK KWANG HUA, KLANG, SELANGOR

17. NAMA PENUH: MOHD BAHARUDDIN BIN MOHAMAD ZIN
NAMA SEKOLAH: SMK KUALA LANAR, KUALA LIPIS PAHANG
18. NAMA PENUH: MUHAMAD AZAM BIN SUPIAN
NAMA SEKOLAH: SMK (L) BUKIT BINTANG, PETALING JAYA, SELANGOR.
19. NAMA PENUH: RUGAYAH BINTI YAHYA
NAMA SEKOLAH: SMK HANG KASTURI, MASJID TANAH, MELAKA
20. NAMA PENUH: ROOSEZAH BT SABRI
NAMA SEKOLAH: SMK SUNGAI MANIK, TELUK INTAN, PERAK
21. NAMA PENUH : LATIFAH BINTI TARKEP
NAMA SEKOLAH : SMK AGAMA JOHOR BAHRU
22. NAMA PENUH: ZALAKIAH HANIM BINTI MOHD SALLEH
NAMA SEKOLAH; SMK TAMAN JOHOR JAYA 1
23. NAMA PENUH: MAHNUN BINTI MOHAMAD SAIM
NAMA SEKOLAH: SMK CONVENT (M) KAJANG, SELANGOR
24. NAMA PENUH: JOEY TAN
NAMA SEKOLAH : BERSARA (KUCHING)
25. NAMA PENUH : VIKENESHVAREN a/l KANESON
NAMA SEKOLAH : SM HIN HUA
26. NAMA PENUH: HANINAH BT ABDUL HAMID
NAMA SEKOLAH : SMK DOKTOR MEGAT KHAS, IPOH PERAK
27. NAMA PENUH: ERIAWANI BINTI MASTARI
NAMA SEKOLAH: MRSM ALOR GAJAH MELAKA
28. NAMA PENUH I MAZNAH BINTI HASSAN
NAMA SEKOLAH : SMK KUNAK JAYA, SABAH
29. NAMA PENUH: AJIRAH BINTI LAHAK
NAMA SEKOLAH: SMK KUNAK JAYA, SABAH
30. NAMA PENUH: SITI ROHANI BINTI MAT NOR
NAMA SEKOLAH: SMK AGAMA KUALA LUMPUR
31. NAMA PENUH: NOR SHAYAUMIL QHAIRIL EEMANN BIN MUHAMMAD NOR
NAMA SEKOLAH: SMU (A) TARBIAH ISLAMIAH KG KUALA KAJANG, TANAH MERAH KELANTAN (SMUTI)
32. NAMA PENUH: NORDALILA BINTI NASIS
NAMA SEKOLAH: SMK SRI TANJUNG, JOHOR.
33. NAMA PENUH: SITI NOR LINAH BINTI ABD RAHMAN
NAMA SEKOLAH: SBP INTEGRASI RAWANG
34. NAMA PENUH: JULIAH BINTI MAT NOOR
NAMA SEKOLAH: MAKTAB SABAH, KOTA KINABALU, SABAH
35. NAMA PENUH: MAHFUZA BIN MAHMUD
NAMA SEKOLAH : SMK ANDERSON, IPOH, PERAK.
36. NAMA PENUH: KAMARUL ASHIQIN BINTI MD. YUNUS
NAMA SEKOLAH: SMK TELOK KERANG, PONTIAN, JOHOR

**37. NAMA PENUH: SITI ASMAK BINTI MAT ZAIN
NAMA SEKOLAH: SMK ANDERSON IPOH PERAK.**

**38. NAMA PENUH: RABA'AH BINTI ABAS @ ZAHARI
NAMA SEKOLAH: SMK PUTRAJAYA PRESINT 9(2), PUTRAJAYA**

**39. NAMA PENUH: SARINA BINTI HASSAN
NAMA SEKOLAH: SMK BANDARAYA KOTA KINABALU, SABAH.**

**40. NAMA : WAN FARIDAH BINTI WAN EMBONG
NAMA SEKOLAH : SMK HILLCREST, TMN SERI GOMBAK
BATU CAVES, SELANGOR**

**41. NAMA PENUH: MASTURA BINTI MOAHMED
NAMA SEKOLAH: SMK PAYA BESAR, KUANTAN**

**42. NAMA PENUH: ROOSEZAH BINTI SABRI
NAMA SEKOLAH: SMK SUNGAI MANIK, PERAK**

NAMA PENYUNTING MODUL:

1. WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
2. MASTURA BINTI MOHAMED
3. ROOSEZAH BINTI SABRI
4. LATIFAH TARKEP
5. WAN FARIDAH BINTI WAN EMBONG
6. JAMALIAH BINTI KASBI
7. ROHAWATI AMIN
8. VICKY KANESON
9. SHAYAUMIL IMAN

Kertas 1**BAHAGIAN A
(30 markah)**

Maklumat di bawah berkait dengan amalan kebersihan dalam kehidupan masyarakat.

Huraikan maklumat berkait dengan kepentingan menjaga kebersihan kepada pelajar.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



**BAHAGIAN B
(70 markah)**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

SOALAN 1

Fenomena sukan elektronik atau e-sukan yang menjadi kegilaan rata-rata remaja di Malaysia dilihat semakin berkembang pesat seiring dengan kebangkitan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Arena e-sukan juga semakin mendapat perhatian banyak pihak termasuk Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang mengiktirafnya sebagai satu bentuk sukan kompetitif di peringkat global.

Sumber: *Harian Metro Online*, 10 Januari 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa penglibatan dalam e-sukan merupakan usaha untuk mengurangkan penglibatan remaja dalam pelbagai aktiviti tidak berfaedah. Oleh hal yang demikian kerajaan menyarankan kepada pelbagai pihak agar golongan berkenaan dipupuk dan diberi bimbingan untuk diketengah serta bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ulaskan.

Soalan 2

Setiap manusia mempunyai hobi tersendiri bagi memenuhi minat dan mendapat keseronokan. Ada hobi yang percuma dan ada pula yang memerlukan perbelanjaan. Aktiviti riadah ini akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa seseorang itu digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah.

Sumber: *Dewan Siswa*, Oktober 2016

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, setiap individu mempunyai hobi dan bermanfaat jika dilakukan secara betul dan berterusan.

Jelaskan jenis hobi dan manfaatnya kepada kepada individu / diri sendiri.

Soalan 3

Dalam buku *Teman Pelajar Kesusasteraan*, Hashim Awang mengatakan bahawa melalui bahasa, kesusasteraan dapat disebarluaskan dan melalui bahasa jugalah mesej kesusasteraan dapat diikuti oleh pembaca dengan berkesan. Demikianlah eratnya hubungan antara bahasa dengan kesusasteraan. Pada tahun 2000 komponen sastera (KOMSAS) diperkenalkan di sekolah menengah.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil 7/2018

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan pendidikan komponen sastera (KOMSAS) di sekolah.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari pendidikan komponen sastera.

Soalan 4

SHAZIMAN: Rangkaian Internet akan mempunyai kelajuan tinggi apabila mempunyai rangkaian jalur lebar yang secara asasnya bermula dengan kelajuan 384 kilobit sesaat (kbps). Apabila kita mempunyai kelajuan akses Internet sedemikian rupa, perkhidmatan ini akan memberi faedah besar dan mengubah cara hidup masyarakat di negara ini sama ada bagi golongan profesional, masyarakat desa seperti petani dan juga para peniaga. Dengan adanya jalur lebar, masyarakat profesional misalnya boleh bekerja dari rumah. Malah hari ini saya difahamkan ada rakyat negara ini yang pejabat mereka di Hong Kong tetapi mereka beroperasi dari rumah di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada ucapan
Datuk Shaziman Abu Mansor
<http://utusan.com.my/utusan/info>

Petikan temu bual dengan tokoh ini menjelaskan bahawa kemajuan capaian Internet di negara ini melalui pembangunan jaringan teknologi jalur lebar mampu mengubah landskap pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat dalam pelbagai sektor.

Huraikan manfaat-manfat dari sudut ekonomi hasil kemajuan rangkaian jalur lebar negara kepada masyarakat kini.

Kertas 2**BAHAGIAN A
(35 markah)****Soalan 1 - Morfologi**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan satu kata majmuk dan satu kata bilangan serta satu kata bantu. Kemudian anda dihendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kurang lengkap kunjungan seseorang pelancong yang bertandang ke Sarawak jika tidak membawa pulang kek lapis Sarawak. Juadah ini menjadi pilihan pelancong sebagai cenderamata untuk diberikan kepada sanak saudara dan sahabat handai. Oleh yang demikian, kek lapis Sarawak mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja pada hari perayaan, malahan pada hari biasa. Pada masa ini, kek lapis Sarawak telah menjadi sebahagian daripada ikon pelancongan Bumi Kenyalang. Permintaan yang tinggi ini menjadikan pembuatan kek lapis ini sebagai satu industri besar di Sarawak, khususnya yang diusahakan oleh golongan wanita.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4, Halaman 63
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

Soalan 2- Sintaksis

Berdasarkan petikan di bawah, bina enam ayat tunggal yang gramatis.

Jenayah setempat yang membabitkan penyalahgunaan dadah, kes ragut, rompakan dan penderaan amat memerlukan kerjasama masyarakat untuk membendungnya. Dalam hal ini, kerajaan merupakan tonggak utama dalam usaha membanteras masalah jenayah yang kian meruncing di negara ini. Dari aspek perundangan, pihak kerajaan haruslah menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada dengan tegas. Selain itu, pindaan akta-akta yang sedia ada juga wajib dilakukan berdasarkan kategori jenayah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kerjasama Masyarakat dalam
Membanteras Jenayah Setempat
oleh Zulfikar Mohd Yusuf
Dewan Siswa, April 2018

[6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

*Petikan di bawah mengandungi **tiga belas** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian memerlukan penguasaan tahap teknologi yang tinggi dan canggih. Warga pendidik harus memastikan diri mereka benar-benar bersedia dengan segala pengetahuan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan Zoom, Microsoft Teams, Skype, Google Meet dan seumpamanya berupaya mendekatkan warga pendidik dengan para pelajar-pelajarnya sama seperti semasa mengadakan sesi bersemuka dalam kelas. Penguasaan teknologi mungkin warga pendidikan menyalurkan maklumat serta memberi ruang untuk pelajar menyiapkan latihan serta tugas bagi memenuhi kehendak matapelajaran yang diikuti. Penggunaan google classroom, google doc, google sheet, google slides dan banyak lagi aplikasi berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran memudahkan tugas mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun, keadaan ini tidak seindah mata memandang. Banyak di kalangan warga pendidik ini ternyata tidak bersedia hadapi situasi tersebut masa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha misi membendung wabak coronavirus atau COVID-19. Warga pendidik umpama bidan terjun yang harus atau terpaksa melaksanakan tanggungjawab mereka biar pun tidak atau kurang memiliki pengetahuan berkait dengan teknologi moden ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
E-Pendidikan Cabaran Warga Pendidik pada Era COVID-19
oleh Abdul Razak Mohd Kassim
Pelita Bahasa, Bil:8 2020

[13 markah]

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu,maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia Kembali ke rumahnya.

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antalogi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Nina : Mengapa awak kelihatan sedih Timah? Ceritakanlah apa masalah kamu.

Timah : Aiii...sedih saya Nina. Hari tu, dahlah saya kesiangan, akibatnya saya ketinggalan bas ke sekolah. Lepas tu, apabila dah sampai di sekolah, barulah sedar bahawa saya terlupa membawa buku Sejarah saya. Terus diberi demerit oleh Cikgu Fathan. Kemudian, semalam baru mak dan ayah memberitahu saya mereka berharap saya mengambil jurusan perubatan selepas SPM tetapi sebenarnya saya lebih meminati bidang ekonomi.

Nina : Eh, bukankah selama ini ibu bapa kamu sentiasa memberikan kebebasan yang sepenuhnya kepada kamu untuk membuat keputusan?

Timah : Emmm...tak juga Nina. Cakap sahaja tu, memang saya diberi kebebasan tetapi untuk perkara-perkara yang tertentu sahaja. Tidak bebas sepenuhnya. Banyak lagi yang mengikut pandangan mereka.

Nina : Saya berpendapat Timah harus berbincang dengan mereka. Jangan simpan di dalam hati sahaja. Lagipun saya yakin ibu bapa Timah bahkan semua ibu bapa di dunia ini mengharapkan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Mereka jauh lebih berpengalaman daripada kita.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]**Soalan 6 - Petikan Umum**

Baca Bahan 1 dan Bahar 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada era globalisasi ini, penggunaan teknologi komunikasi telah *mengubah perkembangan* kesihatan mental remaja. Sesetengah pakar tidur memberi amaran bahawa waktu tidur remaja boleh terganggu dengan lampu daripada skrin telefon yang menghalang mereka mencapai tidur nyenyak. Kekurangan tidur memberi kesan psikologi kepada remaja termasuklah mudah marah, kemahiran sosial terjejas dan memori lemah yang boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Risiko diabetes, tekanan darah tinggi, penambahan berat badan dan kemurungan juga dilaporkan meningkat kerana kekurangan tidur.

Penyelidik dalam neurobiologi menyatakan bahawa remaja yang memanfaatkan teknologi mungkin dapat melakukan pelbagai tugas pada masa yang sama, tetapi kemasukan maklumat baru yang berterusan boleh mengurangkan daya tumpuan dan kemampuan menapis maklumat. Satu kajian melaporkan bahawa pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja rumah mereka untuk lebih daripada dua minit tanpa perhatian mereka dialihkan oleh gajet mereka.

Penggunaan media sosial yang kerap juga menyebabkan remaja berisiko mengalami kemurungan khususnya dalam kalangan remaja yang mempunyai masalah keyakinan diri. Hal ini disebabkan oleh ilusi kesempurnaan hidup yang dipamerkan menyebabkan masing-masing berasa tidak memenuhi jangkaan hidup mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kesan Penggunaan Gajet Kepada Remaja”
Sumber Internet : *LIFESTYLE Sinar Aktif*, 21 Mei 2019.

Bahan 2

- Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mengubah perkembangan*.
[2 markah]
 - Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** kesan penggunaan gajet kepada anak-anak.
[3 markah]
 - Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid. Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?
[3 markah]
 - Sesetengah pakar melihat cabaran utama dalam dunia keibubapaan masa ini bukanlah teknologi itu sendiri, sebaliknya lebih tentang cara mendidik anak-anak menggunakan teknologi tersebut.
- Sebagai ibu bapa, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan anak-anak menggunakan gajet dengan bijak.
[4 markah]

Soalan 7 - Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**SANG GEMBALA KUDA**

Dia lelaki bergelar perkasa
Dengan cemeti keberanian di tangan
Rembat angkuhnya memacu takut
Menghalau kuda kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang
Adalah kanun janji kesetiaan
Dimamah rakus kala lapar
Tak peduli nasib diri setelah kenyang
Jadi tunggangan memburu rakan,

Dia lelaki punya kuasa
Sesekali suaranya lebih gempita
Daripada ringkik kuda sekandang
Pacuannya diiring seribu keberanian
Meredah onak di rimba perburuan
Meranduk lumpur di paya penindasan
Sambil melibas cemeti durjana
Dia melampar muslihat
Aku penyelamat maruah
Berjuang atas dasar kebenaran
Menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
Hanya mengenal pantas tunggangan
Tanpa membaca keletihannya
Dia lelaki sang gembala kuda
Hanya tahu mengejar kehebatan
Tanpa menghitung kesakitannya
Dan kuda-kuda itu ditunggangi
Ditunggangi dan ditunggangi!

(Dipetik daripada Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga} dalam
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul)

Bahan 2

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarang. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

(Dipetik daripada cerpen Jaket Kulit Kijang dari Istanbul dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*)

- i) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan penganiayaan yang dilakukan oleh manusia kepada haiwan?

[2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1**, jelaskan dua perwatakan sang gembala kuda.

[3 markah]

- iii) Haiwan merupakan salah satu makhluk ciptaan Tuhan yang mempunyai pelbagai fungsi.

Pada pendapat anda, bagaimakah caranya untuk memupuk rasa cinta akan haiwan dalam kalangan anak-anak?

[4 markah]

- iv) Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap hidupan liar banyak dijalankan di Malaysia. Sebagai rakyat yang mesra alam sekitar, kita hendaklah menyokong dan membantu aktiviti seperti ini. Antara aktiviti tersebut termasuklah melalui undang-undang, kempen kesedaran, pusat konservasi dan taman negara, pendidikan alam sekitar, dan penyelidikan dan pembangunan.

Pada pendapat anda, mengapa hidupan liar perlu dipelihara dan dipulihara agar tidak pupus?

[4 markah]

Soalan 8 - Novel

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Retinal Scanner, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambal membuka jeriji dan pintu kayu jati. Raket skuasy dikutip dari lantai dan mereka berdua masuk ke dalam apartmen beriringan.

“Aku tak fahamlah abang aku ni. Kenapa nak pasang *retinal scanner* pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ini dengan telefon rumah dia.” Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya. “Kalau kau tak angkat telefon tadi, mesti dia yang angkat.” Farisha menunjuk ke arah telefon bimbit shida yang baru di letakkan di atas meja kopi.

“Azrai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ini demi keselamatan kau.

Shida berada dipihak Azraai nampaknya.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara* (m.s10)
karya Dayang Noor,
Kementerian Pelajaran Malaysia

Berikan bukti Azraai sangat sayang dan mementingkan keselamatan adiknya Farisha?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhanini Matdaran
- d) Pantai Kasih, karya Azman Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksa, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari huraikan **dua** peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan berikan alasannya.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN (30 markah)

Bahan 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

LIRIK lagu berjudul, “Keluarga Bahagia” dendangan kumpulan nasyid, Saujana yang antara lainnya berbunyi, “Ketika insan lain berbahagia bersama keluarga. Namun kita masih meniti titian rapuh perhubungan” menyampaikan mesej betapa hubungan kekeluargaan yang lemah dapat mewujudkan rasa tidak bahagia dalam diri individu. Namun begitu, adakah kita sedar tentang erti sebenar keluarga bahagia yang diimpikan oleh setiap insan? Adakah tindakan yang dapat kita lakukan untuk merealisasikan impian ini?

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), istilah “keluarga” didefinisikan sebagai, “sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang.”

LPPKN merupakan sebuah organisasi yang sentiasa membantu masyarakat mewujudkan suasana yang harmoni dan bahagia dalam setiap keluarga di Malaysia melalui kempen dan program termasuklah program “Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang” yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-4, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 31 Julai 2002. LPPKN menyarankan 10 prinsip yang dapat diamalkan dalam usaha untuk mengutamakan keluarga iaitu kasih sayang, ceria bersama keluarga, komunikasi, efektif, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, keseimbangan kerjaya dan keluarga, keselamatan dan kesihatan, ekonomi keluarga, pendidikan dan kemahiran dan dasar mesra keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan peka akan pentingnya institusi kekeluargaan dalam membantu pembangunan negara kerana rakyat yang cemerlang dilahirkan dalam keluarga yang harmoni dan sejahtera.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Membentuk Keluarga Bahagia Demi Kesejahteraan Remaja’
oleh Noraziah Mohd Amin
Dewan Siswa, April 2016

Bahan 2



Kertas 2**BAHAGIAN A**
[35 markah]**Soalan 1 - Morfologi**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata pemerl**. Kemudian anda dihendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Integriti ialah sikap jujur, amanah dan amalan moral yang tinggi dalam diri seseorang. Nilai integriti bermula dari dalam diri individu, kemudian diterjemahkan kepada sikap dan kelakuan luaran. Keutuhan sesebuah organisasi atau negara bergantung kepada nilai integriti yang ada pada individu dalam organisasi dan masyarakat. Musibah COVID-19 banyak menguji dan mengajar kita mengenai kepentingan nilai integriti. Kurangnya nilai kejujuran dalam diri dan masyarakat adalah suatu perkara yang boleh memberi kesulitan kepada negara. Ketirisan perkakasan hospital seperti topeng muka dan sarung tangan dalam suasana serba sulit hari ini dek COVID-19 menunjukkan ‘kulit’ sebenar sesetengah individu dalam masyarakat. Mungkin kesnya agak terpencil, tetapi ia signifikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, Halaman 63,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

Jawapan :

- i. Kata Hubung – dan, dari, yang, atau
- ii. Kata Pemerl – ialah, adalah

Soalan 2 - Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat susunan biasa** yang bergaris kepada **ayat susunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Akaun SSPN-i boleh dibuka oleh ibu bapa atau penjaga yang merupakan warganegara Malaysia untuk anak-anak mereka. Cara membuka akaun ini sungguh mudah. Anda boleh membuka akaun SSPN-i secara dalam talian, atau berurus di kaunter PTPTN dan bank-bank terpilih. Pelajar yang memiliki akaun ini akan layak memohon pinjaman pendidikan. Selain itu, sebagai pendeposit, ibu bapa memperoleh pelbagai keistimewaan. Pendeposit yang memiliki simpanan RM1000.00 dan ke atas akan diberi pelepasan taksiran cukai pendapatan dan perlindungan takaful secara percuma. Simpanan wang dalam skim ini dijamin oleh kerajaan dan mempunyai kadar dividen yang kompetitif. Proses tabungan wang juga mudah kerana terdapat lebih 3000 cawangan ejen skim ini di seluruh Malaysia. Pendeposit boleh membuat pengeluaran atau penutupan akaun pada bila-bila masa.

Dipetik dan diubah suai daripada Kenali SSPN-i dalam *Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

[6 markah]

Jawapan:

1. Boleh dibuka oleh ibu bapa atau penjaga yang merupakan warganegara Malaysia untuk anak-anak mereka akaun SSPN-i.
2. Sungguh mudah cara membuka akaun ini.
3. Akan layak memohon pinjaman pendidikan pelajar yang memiliki akaun ini.
4. Akan diberi pelepasan taksiran cukai pendapatan dan perlindungan takaful secara percuma pendeposit yang memiliki simpanan RM1000.00 dan ke atas.
5. Dijamin oleh kerajaan dan mempunyai kadar dividen yang kompetitif simpanan wang dalam skim ini.
6. Boleh membuat pengeluaran atau penutupan akaun pada bila-bila masa pendeposit.

Soalan 3 - Penyuntingan

Dalam Petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala Petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Kerajaan telah menyediakan perbagai ruang dan peluang pada golongan muda untuk berkecimpung dalam bidang sukan untuk mengalakan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini. Di antaranya termasuklah pelibatan mata pelajaran pendidikan jasmani dalam pembelajaran di sekolah yang bukan sahaja mengenangkan aspek teori bahkan juga turut merangkumi aspek praktikal melalui aktiviti senaman dan sukan yang telah diadakan.

Petikan 2

Pengurusan kejohanan sukan di negara kita telah dilaksanakan oleh Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). MSSM turut bergabung dengan organisasi sukan bukan nasional, seperti ASEAN Schools Sports Council (ASSC), Asian Schools Sports Federation (ASSF) , dan Asian Schools of Football Federation (ASFF) . Ini adalah bermakna para pelajar-pelajar berpeluang menterjemahkan kebolehan sukan masing-masing hingga ke peringkat antara bangsa dengan menonjolkan kecemerlangan sukan secara berterusan.

[6 markah]

Jawapan:**Petikan 1:**

Kesalahan yang perlu disenaraikan		Pembetulan
i)	pada	kepada
ii)	perbagai	pelbagai/berbagai-bagai
iii)	mengalakan	menggalakkan
iv)	Di antaranya	Antaranya
v)	pendidikan jasmani	Pendidikan Jasmani
vi)	mengenengahkan	mengetengahkan
vii)	pratikal	praktikal

Petikan 2

Kesalahan yang perlu disenaraikan		Pembetulan
i)	dilaksanakan	dianjurkan/diadakan
ii)	Ini adalah	Hal ini
iii)	para pelajar-pelajar	para pelajar/pelajar-pelajar
iv)	kebolehan	bakat
v)	hingga ke	hingga
vi)	antara bangsa	antarabangsa

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “ Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan” dalam
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

Jawapan:

- Lalu baginda pun bertitah kepada Temenggung “Wahai Temenggung, suruh semua orang berkawal dan saudagar turut berkawal di kampung masing-masing!”
- Temenggung pun mengarahkan pembantunya memberitahu orang kaya dan saudagar berkawal di kampung mereka.
- Apabila hari malam, Temenggung pun menyuruh orang-orangnya berkawal dengan menggunakan leming, perisai dan semua saudagar turut berkawal di kampung mereka.

Soalan 5 - Peribahasa

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama bagi _____(i)_____.

Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana _____(ii)_____. Sebagaimana yang diketahui, resipi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana _____(iii)_____.

[6 markah]

Jawapan:

1. bagi aur dengan tebing
2. usaha tangga kejayaan / di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang / kalau tidak dipecahan ruyung, manakan dapat sagunya.
3. muafakat membawa berkat / bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6 - Petikan Umum

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada era globalisasi ini, penggunaan teknologi komunikasi telah mengubah perkembangan kesihatan mental remaja. Sesetengah pakar tidur memberi amaran bahawa waktu tidur remaja boleh terganggu dengan lampu daripada skrin telefon yang menghalang mereka mencapai tidur nyenyak. Kekurangan tidur memberi kesan psikologi kepada remaja termasuklah mudah marah, kemahiran sosial terjejas dan memori lemah yang boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Risiko diabetes, tekanan darah tinggi, penambahan berat badan dan kemurungan juga dilaporkan meningkat kerana kekurangan tidur.

Penyelidik dalam neurobiologi menyatakan bahawa remaja yang memanfaatkan teknologi mungkin dapat melakukan pelbagai tugas pada masa yang sama, tetapi kemasukan maklumat baru yang berterusan boleh mengurangkan daya tumpuan dan kemampuan menapis maklumat. Satu kajian melaporkan bahawa pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja rumah mereka untuk lebih daripada dua minit tanpa perhatian mereka dialihkan oleh gajet mereka.

Penggunaan media sosial yang kerap juga menyebabkan remaja berisiko mengalami kemurungan khususnya dalam kalangan remaja yang mempunyai masalah keyakinan diri. Hal ini disebabkan oleh ilusi kesempurnaan hidup yang dipamerkan menyebabkan masing-masing berasa tidak memenuhi jangkaan hidup mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kesan Penggunaan Gajet Kepada Remaja”
Sumber Internet : *LIFESTYLE Sinar Aktif*, 21 Mei 2019.

Bahan 2

Kini dunia semakin maju. Ledakan informasi teknologi maklumat atau secara ringkasnya ICT (*Information Communication Technology*), membawa perubahan besar dalam kehidupan kita. Internet yang dahulu merupakan satu medium teknologi komunikasi yang mahal, kini menjadi saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas. Walau bagaimanapun, penggunaan gajet yang tidak dikawal boleh membawa kepada banyak kesan negatif.

Pakar Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr Rozanizam Zakaria turut *melontarkan pandangan* mengenai kesan media sosial terhadap masyarakat. Katanya, penggunaan gajet dan media sosial secara berlebihan bukan sahaja menyebabkan masalah mental malah semakin banyak kajian saintifik telah menunjukkan perkaitannya dengan kes-kes kemurungan, keresahan melampau (*anxiety disorder*) dan perlaku impulsif. Banyak kajian hari ini termasuk di Malaysia menunjukkan responden banyak menggunakan media sosial dan gajet mengalami kadar stres yang tinggi.

Pengguna juga lebih cenderung untuk menjadi obesiti akibat ketagihan layari laman web sosial dan permainan komputer. Hal ini disebabkan pengguna tidak lagi suka bgerak atau bersenam sebaliknya sanggup makan di depan komputer. Lebih memburukkan keadaan, waktu makan juga tidak diendahkan.

Sumber : *Internet*

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *melontarkan pandangan* .
[2 markah]
- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** kesan penggunaan teknologi maklumat.
[3 markah]
- iii) Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?
[3 markah]
- iv) Pada masa ini, penggunaan laman maya merupakan suatu keperluan sama ada oleh seseorang individu mahupun suatu organisasi. Malangnya, kebelakangan ini banyak kejadian jenayah siber berlaku.

Sebagai seorang anggota masyarakat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah untuk menangani jenayah siber.
[4 markah]

Jawapan:

- i) Berdasarkan Bahan 1, maksud melontarkan pandangan ialah
 - menyatakan pendapat [2 m]
 - menyatakan pandangan [1 m]
 - melontarkan pendapat [1 m]
- ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, persamaan dan perbezaan kesan teknologi maklumat kepada golongan muda ialah:
[3 markah]

Persamaan Bahan 1 dan 2:

- Penggunaan gajet dan media sosial memberikan kesan negatif kepada tahap kesihatan mental seseorang.

Perbezaan:

- Bahan 1 : Kesan negatif gajet dan media sosial kepada kesihatan mental golongan remaja
- Bahan 2 : Kesan negatif teknologi maklumat kepada kesihatan mental dan fizikal pengguna

- iii) Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[3 markah]

Faedah penggunaan teknologi maklumat kepada murid :

- memudahkan urusan kerja sekolah
- sumber ilmu pengetahuan
- e-pembelajaran dengan guru dan rakan melalui pelbagai aplikasi

iv) Pada masa ini, penggunaan laman maya merupakan suatu keperluan sama ada oleh seseorang individu maupun suatu organisasi. Malangnya, kebelakangan ini banyak kejadian jenayah siber berlaku.

Sebagai seorang anggota masyarakat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah untuk menangani jenayah siber.

[4 markah]

Langkah-langkah untuk menangani jenayah siber:

- media massa memberikan kesedaran melalui kempen dan iklan
- pihak berkuasa mengkaji dan mewujudkan undang-undang siber
- institusi pendidikan memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan siber
- pihak kerajaan bekerjasama secara multilateral dengan negara luar untuk membanteras jenayah siber
- pengguna Internet menggunakan perisian antivirus terkini
- Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (SKMM) meningkatkan keselamatan siber negara
- orang ramai melaporkan isu jenayah siber kepada pihak berkuasa
- ibu bapa memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak

Soalan 7 - Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Impian Seorang Nelayan

Burung Camar hinggap di jejari
Seorang nelayan sedang bermimpi
Mimpi tentang duyung
Mimpi tentang untung
Biduk hanyut dibawa ombak
Laut Cina Selatan

Dalam mimpi berkata sang duyung
"Wahai nelayan kau anak laut
Di sini tempatmu
Di sini rezekimu
Pengorbanan yang kau lakukan
Ada balasannya"

Mega mendong

Laut pun bergoncang
 Nelayan tersentak biduk sesat haluan
 Sang mentari terlindung
 Pantai tak kelihatan
 Tawakkal jalan akhirnya

Dalam pondok kecil beratap rumbia
 Seorang ibu memandang hari muka
 Sambil ia menyusukan bayi yang kehausan
 Ufuk timur hilang dari pandangan

Wahai anak yang sedang menangis
 Mungkin kini engkau tak mengerti
 Bila kau dewasa dan pandai nanti
 Pengorbanan ayahmu sayang
 Jangan kau lupakan

Lirik : **M. Nasir**

Bahan 2

Azam menggeleng-geleng lagi, “Jabatan Haiwan kan ada. Takkam mereka tidak memantau? Kau boleh adukan kepada mereka. Minta nasihat doktor veterinar jika ayam kau sakit.”

“Aku pun harap begitu. Aku harap kerajaan boleh buat sesuatu. Jangan biarkan penternak kecil terperangkap dalam jerat syarikat besar.”

Azam memujuk pula, “Menternak cara kontrak ini ada kelebihannya, bagus juga. Kau tidak payah keluar mencari anak-anak ayam. Kau tidak payah keluar mencari dedak. Setiap musim syarikat payung akan mengatur lori-lori untuk mengangkut ayam-ayam yang sudah besar.”

Hakim menjawab, “Ya, mereka hantar segalanya dengan harga yang mereka tentukan. Kini, hidupku bergelumang dengan hutang. Setiap saat aku berhutang dengan RAJA. Kau fikirkan pula, kalau nasibku malang dan nilai jualanku kurang daripada harga dedak dan ubat yang mereka bekalkan, bererti aku akan menanggung hutang kepada RAJA. Berhutang dan berhutang.”

Azam memandang wajah sahabatnya penuh simpati. “Jadi, apakah cadangan kau sekarang?”

Dipetik daripada cerpen “Kaduk,Ayam dan Raja”
 oleh Zurinah Hassan dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
 Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3**ANAK LAUT**

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisi ikan
kulit ketam
kepala sotong
dan
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
menampakkan urat-urat jalur-jalur tua
anak laut itu sudah dapat menerka
langkahnya hampir tiba
pada muara Pencipta

RAHIMIDIN ZAHARI

antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mega mendong*.
[2 markah]
- ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka ketika mencari rezeki?
[4 markah]
- iii) Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara.
Pada pendapat anda, apakah kebaikan menceburi bidang pertanian kepada negara?
[3 markah]
- iv) Pada suatu petang, anda terlihat poster iklan Program Pencarian Penternak Jaya Muda yang ditampal di tepi jalan. Anda ingin mencadangkan agar sahabat anda menyertai program tersebut. Anda yakin bahawa sahabat anda itu akan berjaya kerana dia memenuhi kriteria seperti yang terdapat dalam iklan. Sahabat anda perlu membuat persediaan untuk menghadiri temu duga tersebut.
Sebagai sahabat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu sahabat anda membuat persediaan untuk menghadiri temu duga itu?
[4 markah]

Jawapan:

i) Berdasarkan Bahan 1, maksud *mega mendong* ialah:

- awan mengandungi/membawa hujan / redup/tidak terang

[2 m]

ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka ketika mencari rezeki:

- biduk hanyut dibawa ombak
- nelayan tersentak biduk sesat haluan
- ayam sakit
- penternak kecil terperangkap dalam jerat syarikat besar
- harga syarikat besar tentukan
- menanggung hutang
- kolek bagai buih kecil terapung di air
- menjaring sedikit rezeki

[4 m]

iii) Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara.

Pada pendapat saya, kebaikan menceburι bidang pertanian kepada negara ialah:

- memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara
- mewujudkan peluang pekerjaan
- meningkatkan pendapatan eksport negara
- mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara
- melahirkan imej yang baik untuk negara
- memelihara ekologi alam sekitar

[3 m]

iv) Sebagai seorang sahabat yang prihatin, saya akan membantu rakan untuk mengatasi masalah dengan cara :

- membantu menyediakan senarai dokumen yang berkaitan projek
- membantu mengemaskinikan kertas cadangan projek penternakan
- membantu menyediakan laporan projek penternakan
- membantu menyediakan surat tanah atau surat perjanjian sewaan tanah
- membantu menyediakan profil projek
- membantu menyediakan resume /**bahan-bahan bantuan yang membantu**
- menyediakan surat atau sijil kursus teknikal yang berkaitan dengan projek
- membantu mengadakan pratemuduga untuk menambah keyakinan diri
- membantu membentuk penampilan imej yang sesuai
- membantu persediaan fizikal / emosi / mental
- membantu pengetahuan dalam diri / **dalamid bidang projek / peka terhadap isu semasa dan pengetahuan am**

[4 m]

Soalan 8 - Novel

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ibu saya lebih percaya akan herba dan kaedah rawatan tradisional berbanding dengan rawatan moden. Sebagai anak, saya menghormati keputusannya. Lagipun, datuk awak memang pakar merawat penyakit ibu saya. Dulu, sebelum berjumpa dengan datuk awak, ibu saya bertukar-tukar ubat, dan akibatnya dia semakin sakit. Tapi semenjak berjumpa dengan datuk awak, dia lebih konsisten dalam pengambilan herba. Awak jangan tengok saiz tubuh dia, dia seorang yang hampir sihat,”beritahu Geetha kepada Lili.

“Begitu?” aku bertanya, kagum.

Dipetik daripada
Novel *Jendela Menghadap Jalan*
Karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pelajaran Malaysia

Nyatakan kebaikan yang diperoleh oleh ibu Geetha selepas menjalani rawatan tradisional dengan datuk Lili.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksa, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Teknik kejutan bermaksud gaya pengarang mewujudkan peristiwa yang tidak diduga atau tidak disangka-sangka.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menggunakan teknik kejutan berserta kepentingannya.

[6 markah]

Jawapan:

- (i) Kebaikan yang diperoleh oleh ibu Geetha selepas menjalani rawatan tradisional dengan datuk Lili;
- Penyakit ibu Geetha semakin sembuh.
 - Herba yang digunakan bebas daripada bahan kimia.
 - Ibu Geetha lebih konsisten dalam pengambilan herba untuk rawatan penyakitnya.
 - Ibu Geetha tidak lagi bertukar-tukar ubat yang mengakibatkan penyakitnya semakin mudarat.
- (ii) Jawapan berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon.
- Menyatakan 2 Peristiwa yang menggunakan teknik kejutan dan kepentingannya
 - 1 peristiwa + 1 teknik kejutan + kepentingan
 - 1 peristiwa + 1 teknik kejutan + kepentingan

BAHAGIAN C: RUMUSAN (30 markah)

Bahan 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Rasuah merupakan gejala yang sinonim dengan masyarakat kita pada hari ini. Rasuah bermaksud sogokan iaitu pemberian wang oleh orang tertentu kepada pihak lain untuk menyembunyikan sesuatu perkara atau untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang mudah dan cepat tetapi salah mengikut undang-undang negara. Rasuah yang berleluasa juga mencemarkan integriti dan maruah Malaysia sekali gus menimbulkan kesan negatif. Masyarakat yang masih mengamalkan rasuah ini harus sedar bahawa undang-undang negara kita tidak akan memandang enteng kerana perkara ini merupakan amalan yang buruk dan boleh menggugat keamanan serta ketenteraman masyarakat setempat mahupun negara.


Gejala rasuah tidak akan berleluasa jika tiada punca yang menjadi pemangkin budaya itu. Salah satu punca rasuah ialah kurangnya didikan agama dan moral. Hal ini demikian kerana, pegangan agama yang kuat mampu membendung gejala ini dan setiap agama juga melarang penganutnya melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan keluarga, masyarakat dan negara. Orang yang tidak mempunyai iman yang kuat senang terpengaruh dengan kebendaan dan sering mengejar kekayaan. Oleh itu, didikan agama amat penting dan merupakan asas untuk membendung segala masalah sosial seperti rasuah.

Permasalahan ini dapat diatasi jika Ibu bapa dan guru menanamkan nilai murni dalam jiwa setiap anak tentang keburukan rasuah. Ibu bapa sendiri perlulah bersikap jujur kepada diri sendiri dengan menjauhi amalan rasuah. Pihak guru juga boleh berkongsi maklumat terkini tentang gejala rasuah ini kepada pelajar-pelajarnya sebagai pengetahuan juga sebagai teladan dalam kehidupan seharian. Dengan itu, kerjasama daripada pihak ibu bapa dan guru boleh melahirkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni yang baik dan benci akan amalan rasuah.

Tuntasnya, semua pihak tidak kira pangkat atau harta, mestilah bersatu dan menggembung tenaga untuk memastikan agar gejala yang berjangkit ini dapat diatasi. Semoga amalan rasuah ini dapat dibanteras hingga ke akar umbi. Mereka yang bersalah wajar dikenakan hukuman yang berat kerana mereka telah menconteng arang kepada negara kita.

Sumber dipetik dan diubah suai daripada petikan Rasuah dalam <http://qairaainaa.blogspot.my/2013/06/rasuah.html>. HEBAT Bacaan Bahasa Melayu

Bahan 2



Pendahuluan :

Rumusan membincangkan (FOKUS 1) punca rasuah dalam kalangan masyarakat, (FOKUS 2) kesan rasuah dan (FOKUS 3) langkah-langkah mengatasinya.

BAHAN 1-PETIKAN UMUM

FOKUS 1: PUNCA

- kurangnya didikan agama dan moral.

FOKUS 2: KESAN

- mencemarkan integriti dan maruah Malaysia
- boleh menggugat keamanan serta ketenteraman masyarakat setempat mahupun negara.

FOKUS 3: LANGKAH

- ibu bapa dan guru perlu mananamkan nilai murni dalam jiwa setiap anak tentang keburukan rasuah.
- ibu bapa sendiri perlulah bersikap jujur kepada diri sendiri dengan menjauhi amalan rasuah.

3. pihak guru juga boleh berkongsi maklumat terkini tentang gejala rasuah ini kepada pelajar-pelajarnya sebagai pengetahuan juga sebagai teladan dalam kehidupan seharian.

BAHAN 2 - GRAFIK

FOKUS 1: Punca Utama Rasuah

1. kegagalan pentadbiran
2. konflik kepentingan
3. kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan
4. kurang ketelusan

Kesimpulan:

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bersama-sama membentras amalan rasuah agar keamanan negara terpelihara.

Kertas 1**BAHAGIAN A
(30 markah)**

Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotisme.

Huraikan pendapat anda tentang semangat patriotisme

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Disini lahirnya sebuah cinta
Yang murni abadi sejati
Disini tersemai cita cita
Bercambah menjadi warisan

Andai ku terbuang tak diterima
Andai aku disingkirkan
Kemana haruskku bawakan
Kemana harusku semaikan cinta ini

Betapa
Dibumi ini ku melangkah
Keutara selatan timur dan barat
Ku jejaki

Aku
Bukanlah seorang perwira
Gagah menjunjung senjata
Namun hati rela berjuang
Walau dengan cara sendiri
Demi cinta ini

Ku ingin kotakan seribu janji
Sepanjang kedewasaan ini
Ku ingin sampaikan pesanan
Aku lah penyambung warisan

Lirik/penyanyi : Sudirman

Pada hemat saya, ‘Malaysia Prihatin’ adalah melangkaui sikap prihatin terhadap kerjasama membasmi penyakit Covid-19 serta usaha kerajaan membantu kesusahan rakyat. Sejurnya, aktiviti memasang bendera jua program yang mendorong kesedaran patriotisme negara adalah setakat memenuhi nilai-nilai luaran sahaja. Pendek kata, nampak meriah namun semangat kasihkan negara hanya bertahan untuk sementara.

Dipetik dan diubahsuai daripada kolumnis: *Malaysia Prihatin, apa ukurannya?* Profesor Madya Dr Huzili Hussin.

Sumber Internet : *Sinar Harian Online*

**BAHAGIAN B
(70 markah)**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Seorang anak remaja sering dianggap boleh berdikari serta tidak memerlukan pengawasan daripada ibu bapa berbanding semasa di peringkat kanak-kanak. Tanggapan ini kadangkala menyebabkan ibu bapa terlepas pandang untuk memberikan perhatian kepada anak remaja terutamanya bagi mereka yang mempunyai anak-anak lain yang masih kecil. Oleh itu remaja yang menginginkan perhatian ini telah beralih kepada individu lain bagi mengisi kekosongan tersebut.

Sumber: Pn. Normadiniatul Shida Bt Mohd Haidin,
<http://www.myhealth.gov.my/cabaran-dalam-menangani-masalah-pergaulan-bebas-di-kalangan-remaja-sekolah/>

Pernyataan di atas menggambarkan tanggapan orang ramai terhadap remaja. Remaja sering dianggap sudah dapat berdikari dan tidak memerlukan perhatian orang yang lebih tua. Kesannya, terdapat remaja yang terjebak dengan masalah sosial.

Sebagai seorang remaja, huraiakan cara-cara untuk memastikan diri anda tidak terjebak dengan masalah sosial remaja.

Soalan 2

“Penyebaran maklumat tepat daripada kepimpinan negara perlu dikongsi bersama golongan orang kurang upaya (OKU). Tidak dinafikan sumber informasi kami terhad. Hanya berita daripada stesen televisyen awam yang menyediakan bahasa isyarat dan pembacaan di Internet. Mengulas perkongsian di media sosial, saya tidak nafikan wujud kekeliruan fakta sama ada benar mahupun sebaliknya. Usaha yang berterusan bagi membantu golongan Orang Kurang Upaya merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberi sumbangan kepada negara.”

Dipetik daripada ucapan
Tengku Arman Haris bin Tengku Ismail
Harian Metro, 8 September 2019.

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, usaha pelbagai pihak diperlukan bagi membantu golongan orang kurang upaya(OKU) dalam menempuh kehidupan seharian dan alam pekerjaan.

Soalan 3

Karya sastera sememangnya kurang mendapat tempat di hati masyarakat kerana mereka lebih berminat dengan bahan bacaan ringan. Penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah lagi dengan memperbanyak naskhah di perpustakaan supaya mudah diakses oleh murid dan guru.

Datuk Dr. Zurinah binti Hassan, Sasterawan Negara

Sasterawan Negara berpendapat bahawa penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah.

Berdasarkan pendapat tersebut, kemukakan cadangan kepada pihak sekolah tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menyuburkan minat murid terhadap karya sastera.

Soalan 4

KUALA LUMPUR (Bernama) - Kita biasa dengar pekerja kolar biru dan kolar putih tetapi ada satu lagi bidang pekerjaan yang mungkin kurang diberikan perhatian iaitu 'kolar baharu'. Kerjaya kolar baharu seperti tukang paip, juruelektrik dan penggunting rambut mungkin dianggap kerjaya kelas kedua pada waktu dahulu tetapi tidak lagi sekarang. Permintaan yang semakin meningkat untuk tenaga mahir bidang tersebut mengangkatnya ke satu tahap yang harus dibanggakan. Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran percaya bidang kolar baharu ini ialah satu peluang yang perlu direbut oleh rakyat Malaysia. Dalam satu temu bual eksklusif dengan Bernama baru-baru ini, Kula Segaran berkongsi harapan serta potensi besar kerjaya dalam bidang ini.

Disunting oleh Melati Mohd Arif – BERNAMA

Petikan akhbar menerangkan bahawa permintaan yang semakin meningkat terhadap pekerjaan kolar baharu perlu direbut oleh rakyat Malaysia. Pekerjaan ini menjanjikan prospek yang lebih baik dan mampu mengangkat pekerja kolar baharu ini ke tahap yang luar biasa.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik rakyat Malaysia menceburkan diri dalam bidang pekerjaan kolar baharu.

Kertas 2**BAHAGIAN A
(35 markah)****Soalan 1 - Morfologi**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan dua kata terbitan awalan dan dua kata terbitan akhiran. Kemudian anda dihendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan. Anak-anak dapat ke sekolah menimba ilmu dan ibu bapa dapat mencari rezeki untuk keluarga. Bagi sesetengah orang, nikmat kesihatan hanya disedari apabila mereka diserang penyakit. Mereka sanggup menghabiskan wang membeli ubat dan makanan kesihatan untuk mengubati penyakit yang dihadapi. Tambahan pula, pelbagai ubat dan produk makanan kesihatan wujud di pasaran sekarang seperti “Cendawan tumbuh selepas hujan”. Oleh sebab peri pentingnya nikmat ini dalam kehidupan, beberapa langkah perlu diambil agar kesihatan kita terjamin.

Sumber: Internet

[6 markah]

Soalan 2 - Sintaksis

Tukar ayat cakap ajuk kepada cakap pindah tanpa mengubah maksudnya.

- (i) “Hai, Alin, sudah lama kita tidak berjumpa! Apa khabar?” kata Suraya.
- (ii) “Tidak, saya tidak pernah terlibat dalam kes percaduhan. Semua ini fitnah orang lain yang cemburu akan saya,” kata Azman kepada guru disiplin.
- (iii) “Tolong, tolong, adik saya terjatuh ke dalam longkang!” jerit Syamala.
- (iv) “Baru-baru ini, kes Covid-19 semakin meningkat, saya sungguh risau,” kata ibu .

[6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi tiga belas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Kajian menunjukkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap amalan membaca bukan berada pada tahap yang membanggakan seperti dinegara Jepun. Rakyat Jepun menerap budaya membaca walaupun di mana sahaja mereka berada. Rakyat Malaysia secara keseluruhannya membaca sebanyak 15 naskah buku setahun untuk menambah ilmu pengetahuan dan memenuhi masa kosong.

Kerajaan telah memperuntukkan baucer buku kepada para pelajar di universiti umum dan di universiti swasta. Matlamat utama usaha ini untuk mempastikan pelajar di pusat kajian tinggi berupaya untuk memperolehi bahan bacaan yang berkualiti. Kerajaan dan pihak swasta juga memberikan kurangan harga untuk membeli buku dengan diskaun yang mencecah 50 peratus kepada pembeli yang berstatus pelajar atau maha siswa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Budaya Membaca Remaja, oleh Sham A. Kadir
Dewan Siswa, April 2020.

[13 markah]

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya lalu mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5 - Peribahasa

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan ayat-ayat tersebut.

- (i) Semenjak sekolah itu menerima pengetua yang baharu, beberapa peraturan berkaitan disiplin murid telah dikuatkuasakan.
- (ii) Nasib gadis itu sungguh malang. Baru seminggu dia diberhentikan kerja oleh majikannya, rumahnya pula dimasuki pencuri.
- (iii) Rakan-rakan Sharifah tidak menyenanginya di tempat kerja kerana dia hanya akan melakukan tugas-tugasnya apabila disuruh.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]**Soalan 6**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Malaysia sangat dikenali sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mempunyai keunikannya tersendiri. Industri kraf tangan merupakan satu faktor penarik terhadap situasi ini. Kraf tangan buatan Malaysia yang eksotik dan menarik menyebabkan banyak pelancong asing tertarik. Menyedari hal ini, banyak pihak telah menjalankan pelbagai usaha bagi memastikan industri ini terus berkembang.

Antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan termasuklah mengadakan kempen dan promosi di dalam dan luar negara. Kempen ini dijalankan menerusi media massa dan media cetak. Kerajaan perlu menganjurkan kempen di dalam dan luar negara setiap tahun untuk menghebahkan tentang kraf tangan buatan Malaysia di mata dunia. Selain itu, kerajaan juga ada mewujudkan pusat pengumpulan barang kraf bagi memudahkan urusan pemasaran. Pusat pengumpulan ini telah membuka ruang pekerjaan bagi penduduk tempatan. Antara pusat pengumpulan barang kraf di Malaysia termasuklah Pusat Karyaneka, Pusat Kraf Tangan Malaysia dan Pasar Seni.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Institut Kraf Tangan Malaysiar”
Dewan Siswa, Oktober 2017)

Bahan 2

Mentaliti masyarakat Malaysia kini lebih mendewa-dewakan produk kraf tangan moden dan berjenama antarabangsa, dilihat ancaman terbesar bagi industri kraf tangan tempatan. Kerajaan seakan-akan terlepas pandang akan potensi industri ini. Seharusnya pihak kerajaan tidak boleh bersikap lepas tangan kerana industri kraf tangan ini boleh memajukan ekonomi masyarakat dan negara amnya.

Pihak kerajaan boleh memberi peluang kepada pengusaha industri kraf tangan untuk mengkomersialkan hasil keluaran mereka. Pihak kerajaan juga boleh memberi pinjaman kewangan kepada mereka yang mengusahakan industri kraf tangan. Industri kraf tangan membuka banyak peluang pekerjaan apabila permintaan hasil kraf tangan meningkat seperti batik memerlukan pengeluaran yang banyak. Dengan itu, pihak kerajaan dapat membantu meningkatkan industri kraf tangan untuk terus berkembang maju.

(Sumber: Internet)

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan maksud *mentaliti masyarakat*.

[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan industri kraf tangan di Malaysia.

[3 markah]

(iii) Sektor industri kraf tangan bukan sahaja memberi sumbangan yang penting kepada ekonomi negara, malah memberi faedah yang penting kepada sebilangan masyarakat sehingga hari ini.

Pada pendapat anda, apakah manfaat industri kraf tangan kepada masyarakat?

[3 markah]

(iv) Budaya penggunaan kraf tangan di Malaysia pada hari ini semakin berkurangan.

Apakah sebab berlakunya perkara sedemikian?

[4 markah]

Soalan 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

GURINDAM ILMU

Menuntut ilmu sangat penting,
Amat berguna pada saat genting.

Tuntutlah ilmu jangan lena,
Agar menjadi bijak laksana.

Tuntutlah ilmu dengan niat,
Agar hati lembut tak liat.

Tuntut ilmu jangan bertangguh,
Jati diri mengakar teguh.

Tuntut ilmu jangan jemu,
Lubuk akal tepian ilmu.

Tuntut ilmu dunia akhirat,
Hidup bahagia tiada melarat.

Tuntut ilmu mengisi dada,
Jika diamalkan akan berganda.

Ilmu dituntut umpama air,
Selama diamalkan pahala mengalir.

Ilmu itu penyuluhan kehidupan,
Agar berjaya masa hadapan.

Tanpa ilmu fikiran dikurung,
Bagai katak di bawah tempurung.

Zanariah binti Abdol
SM Sains Johor

Bahan 2

Sudah seminggu Alias tidak hadir ke sekolah sejak nanah di telinganya mula meleleh. Sakit juga tidak berkurangan. Telinga semakin membengkak.

Som sangat susah hati.

Chot menjadi kawan setia yang sentiasa bersama-sama Alias mengambil upah memetik buah kelapa walaupun tuannya itu semakin tidak riang.

Setiap petang Alias juga akan ke rumah Som untuk mengambil nota dan menyalin kerja rumah yang diberikan oleh Cikgu Sunan.

“Aku malu. Bau busuk tentu kawan-kawan ejek aku,” katanya kepada Som.

Memang pun busuk dan sesiapapun tidak akan suka bau busuk. Chot sendiri kadang-kadang memuncung mulutnya dan terkelip-kelip matanya apabila terbau busuk telinga Alias.

Memang pun Alias sedar kawan-kawannya tentu akan mengejeknya nanti. Mungkin tidak ada sesiapa yang sudi duduk dekat dengan mejanya. Mungkin mereka menutup hidung apabila berada di dalam kelas.

Dipetik daripada novel *Chot* oleh Azizi bin Haji Abdullah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 3

**PESAN LELAKI KECIL
KEPADА GADIS KAMPUS**

Kuhantar kau mengecapi angin baru
udara lain dari kampung bendang kuningmu
bumantara asing dari yang sering kaumesrai
yang sama sekali berbeza
dengan suasana suntimu
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu
memesrai azimat dan tangkal
dari tangga gading`

Kulepaskan kau menjadi burung putih
dengan sayap berkembang
menongkah awan perak dan kabut dingin
mengenal kalimat hujan dan bilah petir
menyelit antara sembilu nasib
dan waras akal

Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak selumbar noda mengabur fikir
di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti

Pandai-pandailah kau terbang
menongkah awan mulus dan kabus dingin
jangan kau pulang
dengan percikan duka dan balutan luka
di sayapmu yang patah.

Sazalee Yacob
Antologi Sejadaх Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *jati diri mengakar teguh*.

[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 2** dan **Bahan 3**, apakah tindakan yang dilakukan oleh Alias dan seorang bapa yang menunjukkan bahawa mereka sangat mementingkan pendidikan?

[3 markah]

(iii) Pendidikan merupakan agen perubahan taraf kehidupan seseorang manusia. Sehubungan dengan itu, ibu bapa sering menitikberatkan kecemerlangan akademik setiap anak mereka.

Pada pendapat anda, apakah cara yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk merealisasikan kecemerlangan akademik dalam kalangan anak-anak.

[4 markah]

- (v) Anda mempunyai seorang kawan sekelas yang telah terhenti persekolahannya kerana menghadapi masalah kewangan. Dalam masa yang sama, pihak sekolah tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh kawan anda itu. Anda berasa terpanggil untuk mendedahkan perkara yang sebenar kepada pihak sekolah agar satu tindakan penyelamat dapat dilakukan terhadap masa depan kawan anda itu.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah anda dapat mengatasi masalah ini?

[4 markah]

Soalan 8 (Novel)

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Pesakit datuk namanya Puan Hamimah. Dia meminta dirinya dipanggil Kak Mimah kerana usianya awal 30-an, tidak manis dipanggil mak cik. Jika dia duduk dia tidak akan kelihatan seperti orang sakit, mulutnya riuh bercerita tentang tabiat pemakanannya yang tidak seimbang sejak usianya menginjak remaja dengan prinsip; selagi hidup nikmatilah makanan, ajal maut di tangan Tuhan. Setelah dia sakit, prinsipnya itu menjerat dirinya.

“Kamu kena jaga makan sejak usia muda,” nasihat Kak Mimah selepas datuk membalutkan kaki kirinya dengan campuran daun herba; cendawan pokok, daun sirih, daun belimbing, pegaga, dan mas cotek, buat meredakan Bengkak urat.

“Saya memang tak makan makanan ringan sejak kecil,” jawabku.

“Bagus,” katanya. “Jangan jadi macam kakak.

Aku berasa gerun ketika melihat datuk menanggalkan tampalan herba pada kaki Kak Mimah. Nampak jelas urat-uratnya kebiruan, hampir hitam.

Dipetik daripada
Novel Jendela Menghadap Jalan
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang diceritakan oleh Kak Mimah kepada Lili?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa** yang pada pendapat anda paling menarik dan jelaskan sebab anda berpendapat demikian.

[6 markah]

BAHAGIAN C

[30 markah]

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 - Petikan

Kes buli yang semakin menular di sekolah menunjukkan berlakunya kepincangan dalam sistem pendidikan di sekolah pada masa ini sekiranya masalah tersebut tidak diatasi dengan segera. Perbuatan membuli bertujuan supaya individu lain mematuhi dan menghormati mereka. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan digesa supaya mewujudkan dasar antibuli di sekolah-sekolah bagi mengawal gejala buli dalam kalangan pelajar. Kawalan tersebut perlu ditekankan kepada pelajar lelaki terutama semasa mereka berada di Tahun Enam. Selain itu, pihak sekolah juga harus melaksanakan sendiri tinjauan terhadap kejadian buli di sekolah masing-masing.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar menjadi pembuli, iaitu pengaruh rakan sebaya dan saiz tubuh yang besar dan tegap. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan pelajar membuli kerana berasa dirinya tidak selamat jika tidak berbuat sesuatu yang boleh melindungi dirinya daripada perkara yang tidak diingini.

Penglibatan ibu bapa dalam menangani masalah buli di sekolah ini menjadi penting. Ibu bapa perlu berbincang dengan guru sekiranya anak-anak mereka bertukar sikap, menjadi pendiam, atau kurang selera makan. Di samping itu, sikap pelajar yang menjadi mangsa buli tetapi tidak melaporkan masalahnya kepada pihak sekolah menjadikan pembuli semakin berani.

Sekolah perlu menggalakkan murid yang menjadi mangsa buli melaporkan kejadian tersebut kepada guru, terutamanya guru disiplin dan guru kaunselor. Bagaimanapun, ada kemungkinan mangsa berasa takut membuat laporan kepada guru kerana bimbang akan dikenakan tindakan lebih keras daripada pembuli. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah boleh menyediakan "Kotak Aduan" bagi membolehkan kes buli dilaporkan secara rahsia oleh mangsa buli. Penekanan kepada program antibuli juga perlu diterapkan di dalam kelas yang merupakan tempat yang paling banyak berlakunya kes buli. Program individu perlu diwujudkan dengan cara kaunselor memanggil pembuli dan mangsa untuk diberikan kaunseling secara berasingan atau memanggil ibu bapa pelajar terbabit.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
Haji Samat bin Buang, *Dewan Siswa, 2005*

Bahan 2 - Grafik

Selasa, 1 November 2016 • BH

→ MUKA SEPULUH

 Filem berkaitan buli juvana menarik minat pelajar untuk menunjukkan mereka lebih 'hebat' berbanding rakan lain"

 Kebanyakan kes pembuli terdiri daripada mereka yang tidak berjaya dalam pelajaran, nakal dan mempunyai masalah disiplin"

 Semua pihak memainkan peranan mengekang kes buli, terutama di sekolah berasrama. Kajian reaksi perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan kes buli"

Aksi negatif filem antara punca kes buli

DARI KACA MATA



Profesor Madya Dr Ismail Suliman
Penyelidik Majlis Profesor Negara masing-masing Kehan Folksli Komunikasi dan Pengajian Media UTM

Bulan sehingga sebilangan pelaku buli menjadi role model bagi sebagian remaja. Buli membabitkan perbuatan mengusir orang yang lemah, bertujuan menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung menjadikan mereka yang lemah memahami atau menghormati mereka yang kuat. Buli juga membabitkan usrah atau agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali beratus-ratus dan ia berlaku tanpa mendengarkan perasaan orang sokongan, temerloh dan hampon.

Secara keseluruhannya, perbuatan membuli adalah perbuatan tidak baik dan membuatkan orang tersarang perlu dilakukan oleh sekolah setiap penggal persekolahan. Sekolah perlu mempunyai peraturan jelas danegas berhalan buli tanpa melindungi kes yang diadukau. Bulan sediaran mencampuri posisi antibusi di sekolah, tetapi juga mengendarai risihah antibusi kepada setiap pelajar untuk dilakukannya bersama-sama.

Sebagaimana peraturan berbeza-beza tingkah laku buli dan hendaklah mendekanggari dalamnya itu dan suatu salinan ditimpakan dalam hal pelajar. Sebaliknya, peraturan tersebut juga turut memandokan peraturan berkenaan. Ini adalah tingkah laku antara pelajar dan ibu bapa atau penjaga dengan sekolah.

**TIDAK BOLEH DICETAK
UNTUK TUJUAN KOMERSIAL**



01 Berasaskan item format
baharu soalan KSSM

02 5 set soalan yang menepati
format Bahasa Melayu KSSM

03 Mesra tema buku teks baharu
Bahasa Melayu KSSM

04 Sesuai untuk latihan topikal
dan latihan kendiri

05 Hasil gabungan tenaga
guru-guru BM Se-Malaysia



Hak cipta Gabungan Guru-guru Bahasa Melayu
Kumpulan Telegram BM KSSM T4 & T5

Peraturan Pemeriksaan

~~KEGUNAAN
DALAMAN SAHAJA~~

MODUL CAKNA BAHASA **SPM 2021**



Diselenggara oleh :
WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
bersama

GABUNGAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SE-MALAYSIA
(PLATFORM TELEGRAM BM KSSM)



**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

MODUL CAKNA BAHASA KSSM SPM 2021

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 - 30 atas (28 - 30) (26 - 27) bawah	<p>Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</p> <p>Wacananya lengkap Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. (peribahasa, slogan, kata-kata hikmat)</p> <p>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.</p>
Kepujian	20 - 25 atas (23 - 25) (20 - 22) bawah	<p>Karangan menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas.</p> <p>Wacananya lengkap Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</p> <p>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.</p>
Memuaskan	15 - 19 atas (17 - 19) 15 - 16 bawah	<p>Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</p> <p>Wacananya masih lengkap Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi.</p> <p>Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.</p>
Kurang Memuaskan	(10 - 14) atas (12 - 14) (10 - 11) bawah	<p>Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.</p>

		<p>Wacananya kurang lengkap Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.</p> <p>Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.</p>
Pencapaian Minimum 0 - 9	01 - 09 atas (06 - 09) (01 - 05) bawah	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

Ungkapan Menarik: *peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	= Kesalahan isi
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
○	= Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Isi Utama Pengembangan (huraian/ bahasa/ hujahan/ contoh) Kerelevan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerengganan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	61 – 70 (66 – 70) (61 – 65)	Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa bervariasi . Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	51 – 60 (56 – 60) (51 – 55)	Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum . Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi . Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
BAIK	41 - 50 (46 – 50) (41 – 45)	Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum . Ejaan dan tanda baca masih betul. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. Penggunaan kosa kata umum . Idea masih relevan mengikut tugasan, huraihan isi masih jelas dan contoh masih sesuai. Pengolahan masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai. Wacana masih lengkap. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi . Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN	31 - 40 (36 – 40)	Penggunaan pelbagai jenis kata terhad . Ayat kurang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum .

	(31 – 35)	Laras bahasa kurang sesuai. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
KURANG MEMUASKAN	21 – 30 (26 – 30) (21 – 25)	Penggunaan kata kurang tepat . Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara . Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. Unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (16 – 20) (01 – 15)	Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis . Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara . Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai . Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami .

Ungkapan Menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

BAHAGIAN A (30 markah)

Karangan berdasarkan bahan rangsangan berkait dengan amalan kebersihan dalam kehidupan masyarakat.

Huraikan maklumat berkait dengan kepentingan menjaga kebersihan kepada pelajar.

Idea :

- Bahan 1 - kepentingan amalan gotong royong dalam kehidupan sehari-hari
- Bahan 2 - memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan anggota masyarakat
 - mendidik generasi muda mementingkan kebersihan
- Bahan 3 - moto sekolah kusayang, sampah kubuang
 - agama mendidik pelajar cintakan kebersihan

BAHAGIAN B (70 markah)

Soalan 1

Fenomena sukan elektronik atau e-sukan yang menjadi kegiatan rata-rata remaja di Malaysia dilihat semakin berkembang pesat seiring dengan kebangkitan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Arena e-sukan juga semakin mendapat perhatian banyak pihak termasuk Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang mengiktirafnya sebagai satu bentuk sukan kompetitif di peringkat global.

Sumber: *Harian Metro Online*, 10 Januari 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa penglibatan dalam e-sukan merupakan usaha untuk mengurangkan penglibatan remaja dalam pelbagai aktiviti tidak berfaedah. Oleh hal yang demikian kerajaan menyarankan kepada pelbagai pihak agar golongan berkenaan dipupuk dan diberi bimbingan untuk diketengah serta bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ulaskan.

Format : Tiada

Cadangan idea:

Usaha atau langkah pelbagai pihak memupuk dan membimbing remaja membabitkan diri dalam aktiviti e-sukan

1. mencungkil bakat pelajar dalam pelbagai peringkat
2. memberikan latihan berterusan
3. menyediakan ganjaran dan skim galakan pembangunan bakat
4. ibu bapa dan guru menjadi pembakar semangat dalam menggalakkan pelajar berani bersaing dalam pelbagai peringkat pertandingan
5. menganjurkan pelbagai pertandingan

Soalan 2

Setiap manusia mempunyai hobi tersendiri bagi memenuhi minat dan mendapat keseronokan. Ada hobi yang percuma dan ada pula yang memerlukan perbelanjaan. Aktiviti riadah ini akan mendatangkan kesan yang mendalam kerana hobi memastikan masa seseorang itu digunakan sebaik-baiknya untuk belajar, keluarga, berhibur dan beriadah.

Sumber: *Dewan Siswa*, Oktober 2016

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, setiap individu mempunyai hobi dan bermanfaat jika dilakukan secara betul dan berterusan.

Jelaskan jenis hobi dan manfaatnya kepada kepada individu / diri sendiri.

Format : Tiada

Cadangan idea:

Pendahuluan

- Hobi merupakan aktiviti rekreasi yang dilakukan pada masa lapang bagi menenangkan fikiran.
- Isu sosial melibatkan remaja masih hangat diperkatakan. Remaja terjebak dalam kancang sosial seperti penyalahgunaan dadah, ragut, kongsi gelap, dan lumba haram.
- Banyak faktor seperti keluarga, persekitaran, dan rakan sebaya. Faktor remaja tidak tahu mengisi masa lapang dengan berfaedah juga salah satu punca isu ini berlarutan
- Banyak manfaat jika mempunyai hobi.

Isi-isi

1. Mengarang – mengarang puisi/ cerita- sentiasa merujuk Kamus Dewan – menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan- mempelajari pelbagai aspek penulisan - menghasilkan cerpen, puisi, novel, rencana dan eseи - menyertai pertandingan peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan - mendapat sijil dan hadiah yang lumayan - membantu meningkatkan pencapaian markah dalam aktiviti kokurikulum - PAJSK - menjadi penulis muda
2. Membela kucing - bermain dan bermanja dengan kucing - haiwan jinak yang popular dan disukai ramai - kucing dilayan seperti anak kecil - memberikan hiburan – mampu mendidik masyarakat untuk mencintai haiwan manja - memupuk rasa bertanggungjawab, prihatin dan penyayang –individu sanggup berhabis ribuan ringgit sebulan untuk membeli makanan serta keperluan harian termasuk pasir untuk najis, syampu, dan sikat.
3. Mendaki gunung - memenuhi kepuasan yang dicari- memerlukan keberanian dan keyakinan diri yang tinggi untuk sampai ke puncak gunung - melihat keindahan alam semula jadi, merehatkan minda dan memenuhi kepuasan diri untuk melakukan aktiviti mencabar.
4. Bercucuk tanam - menguruskan kebun/tanah - memilih baja/benih yang bermutu - meningkatkan kemahiran dalam bidang pertanian - mengeluarkan peluh - berbakti kepada tanah - menjimatkan wang-menambah pendapatan.
5. Berbasikal - menjaga basikal – membaik pulih basikal - menyihatkan badan - baik untuk jantung - boleh dijadikan sebagai salah satu sumber pendapatan - membuka kedai basikal.

-
6. Mengumpul setem – mengkatalogkan setem – mengemaskinikan album setem – menambah pendapatan dengan menjual setem klasik.
 7. Memikat burung, memancing, dron dan lain-lain lagi.

Penutup

-banyak hobi yang boleh dilakukan pada masa lapang
 -hobi yang dilakukan sama ada secara percuma ataupun yang melibatkan kos, perlu diteruskan kerana mempunyai manfaat yang tersendiri walaupun ada pihak yang menganggapnya sebagai pelik.
 -hanya penggemar hobi tersebut yang mengetahui nilai dan manfaatnya.
 -masa itu emas

Soalan 3

Dalam buku *Teman Pelajar Kesusastraan*, Hashim Awang mengatakan bahawa melalui bahasa, kesusastraan dapat disebarluaskan dan melalui bahasa jugalah mesej kesusastraan dapat diikuti oleh pembaca dengan berkesan. Demikianlah eratnya hubungan antara bahasa dengan kesusastraan. Pada tahun 2000 komponen sastera (KOMSAS) diperkenalkan di sekolah menengah.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil 7/2018

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan pendidikan komponen sastera (KOMSAS) di sekolah.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari pendidikan komponen sastera.

Format : Tiada

Cadangan Idea :

Pendahuluan

-Arus kemodenan dan kemajuan pada masa ini menyebabkan kesusastraan Melayu seakan-akan dilupakan dan dipinggirkan oleh lapisan masyarakat terutamanya golongan muda.
 -Pada zaman dahulu, karya sastera diterima oleh masyarakat sebagai karya yang diminati ramai.
 -Tahun 2000, KOMSAS diperkenalkan di sekolah menengah.

Isi-isi

1. Murid meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca pelbagai genre sastera
 - tabiat suka membaca penting untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan bermaklumat
 - individu yang gemar membaca lebih berkeupayaan untuk berfikir dengan cekap berbanding individu lain yang “culas” membaca.
 - ucapan individu yang gemar membaca lebih meyakinkan pendengar.
2. Bakat murid dalam bidang penulisan dapat dikembangkan
 - murid mempelajari pelbagai aspek berkaitan dengan karya sastera
 - timbul minat dalam kalangan murid tertentu untuk mencubanya
 - bakat penulis pada hari ini dikesan oleh guru mereka sejak di bangku sekolah

- bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu mengembangkan potensi individu
3. Penerapan nilai murni melalui karya kesusasteraan
 - banyak nilai dikemukakan dalam genre sastera seperti nilai kegigihan, keberanian, tanggungjawab, kasih sayang dan sebagainya
 - murid yang kerap didedahkan dengan kelebihan nilai tersebut akan mengamalkannya dalam kehidupan harian
 - membentuk jati diri generasi muda yang bergelar murid
 4. Satu pendekatan dalam meningkatkan perpaduan
 - semua murid tanpa mengira bangsa dan agama perlu mempelajari KOMSAS
 - murid dapat mempelajari khazanah bangsa seperti novel, cerpen, drama, puisi melayu tradisional, prosa tradisional
 - mereka akan mempelajari dan mengkaji pelbagai aspek sastera dengan pelbagai cara seperti aktiviti PAK21
 - aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan kaum dan mewujudkan perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Penutup

- hargai dan selami karya sastera kerana sastera merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia.
- cari dan baca bahan bacaan kesusasteraan Melayu yang berkualiti serta boleh melahirkan rasa cinta dan syukur terhadap negara, bangsa dan agama.

Soalan 4

SHAZIMAN: Rangkaian Internet akan mempunyai kelajuan tinggi apabila mempunyai rangkaian jalur lebar yang secara asasnya bermula dengan kelajuan 384 kilobit sesaat (kbps). Apabila kita mempunyai kelajuan akses Internet sedemikian rupa, perkhidmatan ini akan memberi faedah besar dan mengubah cara hidup masyarakat di negara ini sama ada bagi golongan profesional, masyarakat desa seperti petani dan juga para peniaga. Dengan adanya jalur lebar, masyarakat profesional misalnya boleh bekerja dari rumah. Malah hari ini saya difahamkan ada rakyat negara ini yang pejabat mereka di Hong Kong tetapi mereka beroperasi dari rumah di negara ini.

Dipetik daripada ucapan :
Datuk Shaziman Abu Mansor
<http://utusan.com.my/utusan/info>

Petikan temu bual dengan tokoh ini menjelaskan bahawa kemajuan capaian Internet di negara ini melalui pembangunan jaringan teknologi jalur lebar mampu mengubah landskap pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat dalam pelbagai sektor.

Huraikan manfaat-manfat dari sudut ekonomi hasil kemajuan rangkaian jalur lebar negara kepada masyarakat kini.

Format : Tiada

Cadangan Idea :

Pendahuluan

- Perkembangan jaringan jalur lebar dan teknologi digital sangat pesat selaras perkembangan Revolusi Industri.
- Membawa pelbagai perubahan sama ada positif atau negatif dalam kehidupan masyarakat.
- Banyak cabaran akibat perubahan perkembangan dan kemajuan jalur lebar seperti kadar celik literasi komputer dan Internet yang masih rendah di negara ini.
- Rakyat perlu menyahut cabaran dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran digital kerana teknologi ini tidak dinafikan memberi banyak positif terhadap ekonomi rakyat dan negara.

Isi-isi

1. Membuka peluang petani memasarkan hasil tani secara terus melalui atas talian.
 - petani tidak perlu menggunakan perkhidmatan orang tengah.
 - Dapat menjual hasil pertanian dengan harga yang lebih kompetitif
 - Tidak ditindas oleh orang tengah / lintah darat
 - Secara langsung dapat meningkatkan pendapatan petani.
2. Dapat meningkatkan ilmu berkaitan bidang yang diterokai.
 - Boleh mendapat khidmat kepakaran dalam bidang berkaitan secara dalam talian.
 - Masyarakat tidak lagi perlu mencari ilmu secara bersemuka sahaja sebaiknya boleh diperoleh secara maya.
 - Contohnya, petani boleh mempelajari pelbagai teknik pertanian moden dalam kumpulan tani yang diwujudkan di media sosial – teknik penanaman dan pembajaan .
 - Impaknya petani boleh meningkatkan hasil pertanian dan akan dapat meningkatkan pendapatan
3. Rakyat dapat mencipta pelbagai peluang pekerjaan dan menjana pendapatan
 - Masyarakat akan lebih kreatif untuk memberikan perkhidmatan dalam talian.
 - Hal ini dipermudah seiring perkembangan dan kemajuan perbankan Internet.
 - Perkhidmatan Pembeli Peribadi , Food Panda , Grab Food dan sebagainya menyediakan perkhidmatan untuk memudahkan masyarakat yang sibuk bekerja semakin mendapat sambutan.
 - Membantu golongan yang kehilangan pekerjaan sewaktu kemelesetan ekonomi untuk menjana pendapatan.
4. Perkembangan teknologi digital dan jalur lebar menjimatkan kos pelbagai sektor.
 - Peniaga tidak perlu menyewa premis kerana boleh bekerja dari rumah, secara langsung peniaga boleh menjimatkan kos minyak yang sebelum ini digunakan untuk berulang-alik ke pejabat yang jauh.
 - Peniaga boleh membuat pengiklanan sendiri barang yang lebih murah melalui media sosial berbanding membayar perkhidmatan agensi pengiklanan.
5. Perkembangan teknologi jalur lebar membuka pelbagai peluang pekerjaan berkaitan teknologi maklumat.
 - Banyak syarikat memerlukan kepakaran pengendalian Internet untuk pengurusan organisasi.
 - Memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan cekap dalam bidang TMK

- Kerjaya seperti pengatur cara komputer , eksekutif keselamatan siber , juruteknik komputer, pengatur cara dan reka bentuk perisian mendahului bidang –bidang lain dalam pasaran kerja kini.

Penutup

- Kemajuan jalur lebar sememangnya memberi impak yang positif terhadap ekonomi masyarakat negara ini.
- Rakyat negara ini diharap memanfaatkan perkembangan teknologi ini dengan baik.
- Semua warga perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi digital agar tidak ketinggalan.

KERTAS 2
BAHAGIAN A

Soalan 1 (Morfologi)**Jawapan :**

- i. Kata majmuk – cenderamata
- ii. Kata bilangan – sebahagian
- iii. Kata bantu – telah

Soalan 2 (Sintaksis)**Jawapan:**

1. Jenayah setempat membabitkan penyalahgunaan dadah amat memerlukan kerjasama masyarakat untuk membendungnya.
2. Jenayah setempat membabitkan kes ragut amat memerlukan kerjasama masyarakat untuk membendungnya
3. Jenayah setempat membabitkan rompakan amat memerlukan kerjasama masyarakat untuk membendungnya
4. Jenayah setempat membabitkan rompakan amat memerlukan kerjasama masyarakat untuk membendungnya
5. Kerajaan merupakan tonggak utama dalam usaha membanteras jenayah.
6. Masalah jenayah kian meruncing di negara ini.
7. Dari aspek perundangan, pihak kerajaan haruslah menguatkuaskan undang-undang sedia ada dengan tegas.
8. Pindaan akta-akta sedia ada juga wajib dilakukan berdasarkan kategori jenayah.

Soalan 3 (Penyuntingan)**Jawapan:**

1. atas talian ----> dalam talian
2. mengguna ----> menggunakan
3. para pelajar-pelajarnya ----> para pelajarnya
4. mungkinkan ----> memungkinkan
5. memberi ----> memberikan
6. matapelajaran ----> mata pelajaran
7. Walaubagaimanapun ----> Walau bagaimanapun
8. di kalangan----> dalam kalangan
9. hadapi ----> menghadapi

10. masa ----> semasa
11. coronavirus ----> koronavirus
12. biar pun ----> biarpun
13. berkait ----> berkaitan

Soalan 4 (Bahasa Melayu Standard)

Jawapan:

Semasa Laksamana tidur, kerisnya sudah terhunus lalu Laksamana bangun dan melompat menikam dada Kertala Sari sehingga menembusi belakangnya.

Laksamana pun berkata, (Ceh, mati engkau olehku!'

Apabila Kertala Sari merasai lukanya, lalu dia pun menghunus kerisnya untuk mengusir Laksamana. Setelah dua tiga Langkah, Kertala Sari rebah terjerumus lalu mati. Laksamana memotong dan mengambil kemaluan Kertala Sari lalu ia balik ke rumahnya.

Soalan 5 (Peribahasa)

Jawapan:

- 1) Sudah jatuh ditimpa tangga
- 2) Ibarat burung, mata lepas, badan terkurung
- 3) Banyak makan garam

Soalan 6 (Pemahaman Umum)

Jawapan:

- i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *mengubah perkembangan* . [2 markah]
 - Menukar pertumbuhan
- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** kesan penggunaan gajet kepada anak-anak. [3 markah]
 - Persamaan Bahan 1 dan Bahan 2
 - Kesan negatif penggunaan gajet kepada anak-anak
 - Perbezaan
 - Bahan 1 : Kesannya kepada kesihatan mental kepada remaja
 - Bahan 2 : Kesannya kepada kesihatan fizikal khususnya mata kepada kanak-kanak

iii) Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[3 markah]

Faedah penggunaan teknologi maklumat kepada murid :

- Memudahkan urusan kerja sekolah
- Sumber ilmu pengetahuan
- e-pembelajaran dengan guru dan rakan melalui pelbagai aplikasi

iv) Sesetengah pakar melihat cabaran utama dalam dunia keibubapaan masa ini bukanlah teknologi itu sendiri, sebaliknya lebih tentang cara mendidik anak-anak menggunakan teknologi tersebut.

Sebagai ibu bapa, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan anak-anak menggunakan gajet dengan bijak.

[4 markah]

Langkah-langkah untuk memastikan anak-anak menggunakan gajet dengan bijak :

- Memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak dengan meletakkan komputer di ruang terbuka di dalam rumah
- Menghadkan penggunaan gajet
- Mengisi perisian yang dapat menghalang anak-anak melayari lama web yang tidak sesuai
- Sentiasa mendidik anak-anak menggunakan laman web yang berilmiah
- Sentiasa mengingatkan anak-anak supaya memanfaatkan gajet
- Melarang ana-anak menggunakan gajet pada waktu malam
- Ibu bapa sentiasa menonjolkan contoh yang baik kepada anak-anak

Soalan 7 (Pemahaman Sastera)

Jawapan:

(i) Penganiayaan yang dilakukan oleh manusia kepada haiwan ialah,

Bahan 1 - Manusia suka memukul haiwan tanpa belas kasihan

- Manusia tidak peduli/prihatin akan kesakitan yang dialami haiwan

Bahan 2 - Manusia membunuh haiwan demi kepentingan sendiri

- Manusia membunuh haiwan demi mendapatkan kulit haiwan

(*satu jawapan bagi setiap bahan*)

(ii) Perwatakan Sang Gembala Kuda berdasarkan Bahan 1

- Seorang yang tegas – Sang gembala kuda tegas semasa menjaga kuda-kudanya.
- Seorang yang berani – Sang gembala kuda berani menjaga kuda-kudanya sendirian
- Seorang yang bertanggungjawab – Sang gembala kuda sentiasa bertanggungjawab memastikan kuda-kudanya mendapat makanan yang mencukupi
- Seorang yang kejam – Sang gembala kuda bertindak kejam menghalau kuda-kuda masuk ke dalam kandang

(*wajib 2 aspek KOMSAS dan diikuti 2 contoh*)

- (iii) Caranya untuk memupuk rasa cinta akan haiwan dalam kalangan anak-anak:
- Ibu bapa menggalakkan anak-anak memelihara haiwan peliharaan
 - Ibu bapa menunjukkan contoh teladan yang baik dengan sentiasa memberikan makan kepada haiwan-haiwan terbiar (jaga kebijakan haiwan)
 - Membawa anak melawat zoo
 - Merawat haiwan peliharaan yang dijangkiti
 - Mengajak anak-anak ke klinik haiwan untuk merawat haiwan berpenyakit.

- (iv) Faktor-faktor hidupan liar perlu dipelihara dan dipulihara agar tidak pupus:

- Bagi mengekalkan ekosistem agar berada dalam keadaan stabil
- Dapat memberikan sumber dan maklumat pendidikan kepada masyarakat
- Dapat menjadi sumber tarikan pelancong asing
- Dapat menaikkan imej negara
- Bagi memelihara khazanah alam

Soalan 8 (Novel)

Jawapan:

- (i) - memasang retinal scanner
- menyambung interkom rumahnya dengan rumah Farisha
- (ii) Pelajar menghurai **dua** peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan berikan alasannya berdasarkan sebuah novel yang dipelajarinya.
- 1 contoh peristiwa = 1 markah
 - 1 pernyataan teladan = 1 markah
 - 1 alasan memberikan teladan = 1 markah
 - Maksimum markah = 6

**BAHAGIAN C
RUMUSAN****Pendahuluan :**

Rumusan membincangkan tindakan (**fokus 1**) dan usaha (**fokus 2**) pelbagai pihak mewujudkan keluarga bahagia. *(2 markah)*

Rumusan membincangkan tindakan pelbagai pihak mewujudkan keluarga bahagia. *(1 markah)*

Rumusa membincangkan tindakan mewujudkan keluarga bahagia. *(0 markah)*

Bahan 1 (Fokus – Tindakan)

- i) hubungan kekeluargaan yang lemah dapat mewujudkan rasa tidak bahagia dalam diri individu
- ii) LPPKN mewujudkan suasana yang harmoni dan bahagia dalam setiap keluarga di Malaysia melalui kempen dan program
- iii) LPPKN menyarankan 10 prinsip yang dapat diamalkan dalam usaha untuk mengutamakan keluarga
- iv) pihak kerajaan peka akan pentingnya institusi kekeluargaan dalam membantu pembangunan negara

Bahan 2 (Fokus - Usaha)

- i) menganjurkan kempen Karnival keluarga
- ii) moto “Si Comel Penyejuk Mata Ibu”
- iii) pelbagai aktiviti mengeratkan hubungan kekeluargaan

Penutup :

Kesimpulannya, tindakan dah usaha dilakukan pelbagai pihak mewujudkan kelaurga bahagia demi mengukuhkan institusi kekeluargaan.

(2 markah)

SKEMA TAMAT

Peraturan Pemeriksaan

~~KEGUNAAN
DALAMAN SAHAJA~~

MODUL CAKNA BAHASA **SPM 2021**



Diselenggara oleh :
WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
bersama

GABUNGAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SE-MALAYSIA
(PLATFORM TELEGRAM BM KSSM)



**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

MODUL CAKNA BAHASA KSSM SPM 2021

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 - 30 atas (28 - 30) (26 - 27) bawah	<p>Karangan menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat.</p> <p>Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</p> <p>Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</p> <p>Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</p> <p>Wacananya lengkap</p> <p>Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. (peribahasa, slogan, kata-kata hikmat)</p> <p>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.</p>
Kepujian	20 - 25 atas (23 - 25) (20 - 22) bawah	<p>Karangan menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat.</p> <p>Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</p> <p>Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</p> <p>Penggunaan kosa kata luas.</p> <p>Wacananya lengkap</p> <p>Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</p> <p>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.</p>
Memuaskan	15 - 19 atas (17 - 19) 15 - 16 bawah	<p>Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat.</p> <p>Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat.</p> <p>Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</p> <p>Penggunaan kosa kata umum.</p> <p>Wacananya masih lengkap</p> <p>Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi.</p> <p>Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan.</p> <p>Huraian idea masih jelas.</p>
Kurang Memuaskan	(10 - 14) atas (12 - 14) (10 - 11) bawah	<p>Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.</p> <p>Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat.</p> <p>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</p> <p>Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.</p> <p>Penggunaan kosa kata terhad.</p>

		<p>Wacananya kurang lengkap Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.</p> <p>Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.</p>
Pencapaian Minimum 0 - 9	01 - 09 atas (06 - 09) (01 - 05) bawah	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

Ungkapan Menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	= Kesalahan isi
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
	= Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Isi Utama Pengembangan (huraian/ bahasa/ hujahan/ contoh) Kerelevan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerengganan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	61 – 70 (66 – 70) (61 – 65)	Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa bervariasi . Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	51 – 60 (56 – 60) (51 – 55)	Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum . Ejaan dan tanda baca betul. Laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai. Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi . Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
BAIK	41 - 50 (46 – 50) (41 – 45)	Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum . Ejaan dan tanda baca masih betul. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. Penggunaan kosa kata umum . Idea masih relevan mengikut tugasan, huraihan isi masih jelas dan contoh masih sesuai. Pengolahan masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai. Wacana masih lengkap. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi . Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN	31 - 40 (36 – 40)	Penggunaan pelbagai jenis kata terhad . Ayat kurang gramatis. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum .

	(31 – 35)	Laras bahasa kurang sesuai. Penggunaan kosa kata umum dan terhad . Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
KURANG MEMUASKAN	21 – 30 (26 – 30) (21 – 25)	Penggunaan kata kurang tepat . Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami . Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara . Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. Unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (16 – 20) (01 – 15)	Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis . Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara . Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai . Pengolahan tidak menarik. Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami .

Ungkapan Menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

BAHAGIAN A (30 markah)

Karangan berdasarkan bahan rangsangan tentang mural di Malaysia.
Huraikan pendapat tentang mural di Malaysia.

Idea :

Pendahuluan

Sejak dulu, mural merupakan antara hiasan dalaman yang dilukis pada dinding, siling dan permukaan kekal yang besar. Kewujudan mural dikatakan bermula pada zaman Paleolitik seperti lukisan di Gua Niah, Sarawak. Pada zaman moden ini, mural menjadi elemen kesenian yang mewarnai pelbagai tempat.

Isi 1 : Mural digunakan sebagai medium komunikasi.

Huraian 1 : memaparkan cerita yang berkaitan dengan peristiwa atau asal usul sesuatu tempat.

Huraian 2 : menjadi bukti kepada peristiwa silam

Contoh : lukisan mural di Pulau Pinang banyak memaparkan cerita kehidupan masyarakat Pulau Pinang

Kesan : masyarakat mengetahui cerita yang pernah berlaku – tidak bersikap seperti kacang lupukan kulit.

Isi 2 : Mural dapat menarik kehadiran pelancong asing

Huraian 1 : kebanyakan mural menyampaikan mesej tertentu

Huraian 2 : mural juga menyampaikan budaya hidup sesuatu tempat

Huraian 3 : pelancong asing tertarik oleh mural

Contoh : mural di Pulau Pinang telah menarik pelancong dari pelbagai negara untuk datang bertandang

Kesan : pelancong dapat merasai kehidupan masyarakat setempat – ekonomi berkembang.

Isi 3 : Mural berfungsi sebagai wadah untuk memperingati jasa seseorang

Huraian 1 : lukisan potret seseorang tokoh dijadikan mural

Huraian 2 : banyak berjasa kepada negara

Contoh : potret Tan Sri Dr. Noor Hisham dijadikan mural untuk mengenang jasa beliau dalam memimpin negara kita melawan wabak pandemik COVID-19

Kesan : masyarakat akan sentiasa mengingati jasa seseorang tokoh – membangkitkan semangat nasionalisme orang ramai.

Tuntasnya, mural atau seni graffiti perlu didalami oleh masyarakat kita memandangkan seni ini mendatangkan pelbagai faedah kepada kita. Sebagai seorang rakyat Malaysia, kita perlu mengambil tindakan proaktif untuk memeliharanya agar mural seni ini mewarnai kehidupan masyarakat majmuk kita.

BAHAGIAN B (70 markah)

Soalan 1

Permainan tradisional merupakan warisan budaya Malaysia yang tidak ternilai harganya. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan tradisional merupakan warisan nenek moyang kita yang melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa. Sekiranya permainan tradisional ini tidak dipertahankan, sudah tentu generasi muda tidak mengenali budaya warisan mereka.

Sumber : *Internet*

Petikan di atas menyatakan kepentingan permainan tradisional yang pernah dipopularkan oleh generasi terdahulu. Namun, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat terutama generasi muda kerana lebih meminati permainan moden.

Huraikan langkah-langkah untuk memupuk minat generasi muda kepada permainan tradisional.

Format : Tiada

Cadangan Idea:

1. Peranan sekolah - mengadakan kegiatan kurikulum yang berkaitan permainan tradisional
2. Peranan Kementerian Kesenian, Kebudayaan, dan Warisan - mengadakan pesta permainan tradisional di peringkat negeri atau kebangsaan
3. Kerajaan juga perlu membina lebih banyak kemudahan untuk permainan tradisional
4. Kempen yang terancang tentang permainan ini perlu diadakan oleh pihak berkuasa.
5. Pihak kerajaan boleh memajukan permainan tradisional dengan turut menyediakan jurulatih yang terlatih dan mahir di setiap gelanggang yang telah disediakan itu.
6. Peranan media massa dalam menyiarkan program yang memaparkan permainan tradisional dan sukaneka berteraskan permainan tradisional

Soalan 2

Stres boleh juga dialami apabila berdepan dengan rangsangan yang tidak menyenangkan seperti bau yang busuk, bunyi yang kuat dan kata-kata yang kesat. Sesiapa sahaja sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas boleh mengalami stres. Umumnya tahap stres yang dihadapi oleh seseorang berbeza-beza mengikut beban tekanan yang dihadapi. Sebenarnya ada pelbagai cara yang boleh kita lakukan dalam mengawal stres. Stres boleh dikawal secara sendiri atau pun melalui bantuan ahli keluarga atau rakan-rakan.

Sumber: <http://www.myhealth.gov.my>

Mutakhir ini, banyak kejadian negatif berlaku dalam kalangan masyarakat kesan stres yang tidak terkawal.

Sebagai seorang pelajar, huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk menangani stres.

Format : Tiada

Cadangan Idea:

1. Melakukan aktiviti riadah untuk kesihatan fizikal, mental dan psikologi -aktiviti riadah dapat mengurangkan tekanan pada minda yang berserbut dan kemungkinan remaja dapat melupakan seketika masalah yang sedang ditanggung
2. Sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang kritikal dan sukar - mencari seseorang yang boleh dipercayai untuk meluahkan masalah mereka
3. Menjadikan ibadat sebagai salah satu cara untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi dengan mendekatkan diri kepada Tuhan
4. Mendengar muzik yang mencetuskan kegembiraan dan keceriaan
5. Melancong untuk menikmati keindahan dan keunikan panorama negara lain
6. Mendapatkan nasihat ibu bapa dan orang yang berpengalaman - berbincang bersama-sama agar yang keruh dapat dijernihkan

Soalan 3

Sedekad yang lalu, Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia tidak diberi perhatian khusus sebagaimana pendidikan berteraskan akademik. Namun kini, permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran dalam bidang TVET semakin melonjak sejajar dengan kepesatan teknologi automasi RI 4.0. TVET berperanan sebagai penyumbang ke arah merealisasikan Malaysia sebagai negara maju, dengan hampir satu juta pekerjaan memerlukan sijil vokasional dan diploma menjelang 2020. Bagi memacu perkembangan Malaysia seiring dengan negara maju yang lain, jurang kemahiran perlu dirapatkan, seterusnya TVET perlu diberi tumpuan utama.

Sumber: Zakhbah Harun,
Ketua Pegawai Eksekutif Skills Johor

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia dan kepentingannya. Namun tanggapan segelintir masyarakat yang menganggap bidang ini sebagai pendidikan kelas kedua menyebabkan ramai dalam kalangan generasi muda tidak berminat menyambung pelajaran dalam bidang TVET.

Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menarik minat dan menggalakkan generasi muda melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET ini.

Format : Tiada

Cadangan Idea:

Pendahuluan

Bidang kemahiran teknik dan vokasional merupakan pemacu utama ekonomi kini selaras perkembangan Revolusi Industri 4.0.

- Sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang teknik dan vokasional memerlukan pekerja separa mahir dan mahir - juruelektrik , jurukimpal dan jurutera binaan.
- Tahap kesedaran masyarakat khususnya ibu bapa tentang kepentingan TVET masih rendah – mereka menganggap bahawa TVET untuk murid yang lemah akademik dan pendidikan kelas kedua berbanding dengan aliran perdana.

- Ibu bapa dan murid perlu disedarkan akan kepentingan bidang pendidikan ini demi masa depan negara.
- Isi 1: Kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia) menyediakan lebih banyak prasarana dan institusi TVET yang lengkap. – lebih banyak sekolah teknik dan kolej vokasional di seluruh negara.
- Dapat membuka mata ibu bapa dan generasi muda tentang kesungguhan pihak KPM untuk mengembangkan bidang ini.
 - Kemudahan yang lengkap dapat menyakinkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke institusi TVET.
 - Kemudahan asrama, dan prasarana bengkel untuk amali yang lengkap dan setaraf sekolah berasrama penuh akan menarik minat mereka.
- Isi 2: Pihak KPM, khususnya Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional mengadakan siri jelajah ke seluruh pelosok negara untuk mewara-warakan kelebihan pendidikan TVET.
- Pihak berkenaan boleh berkerjasama dengan pihak swasta seperti media massa untuk menghebahkan perkara ini.
 - Siri jelajah ke sekolah-sekolah aliran perdana juga perlu diperhebat supaya lebih ramai murid terdedah dengan kelebihan dan kepentingan TVET.
 - Siri jelajah yang berterusan dan bukan hanya *hangat-hangat tahi ayam* sudah pasti akan menarik minat murid-murid terutamanya lepasan PT3 untuk menyambung pelajaran di institusi TVET.
- Isi 3: Mata pelajaran TVET sebagai mata pelajaran elektif diperkasakan semula di sekolah-sekolah aliran perdana.
- Hal ini demikian adalah supaya murid yang tidak berpeluang untuk memasuki sekolah teknik atau kolej vokasional tetap boleh mendalamidi bidang TVET.
 - Mata pelajaran yang boleh membangunkan potensi dan kemahiran pelajar seperti Grafik, Multimedia , Katering , Bakeri , Elektronik dan sebagainya perlu diperkasakan di sekolah-sekolah biasa.
 - Guru-guru yang terlatih dalam bidang-bidang berkaitan selain kemudahan yang lengkap boleh menjadikan murid terpaut untuk menjadikan bidang ini sebagai kerjaya masa depan mereka.
- Isi 4: Ibu bapa memainkan peranan yang signifikan untuk menggalakkan anak-anak menceburi bidang TVET.
- Lazimnya anak-anak akan mendengar pandangan dan nasihat ibu bapa berbanding rakan dan guru-guru.
 - Ibu bapa boleh berjumpa pihak sekolah khususnya Unit Bimbingan dan Kaunseling untuk meminta nasihat berkaitan bidang kemahiran TVET yang boleh diceburi oleh anak-anak.

Penutup:

- Pelbagai pihak memainkan peranan penting untuk menarik minat golongan muda untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET.
- Unit-unit di bawah KPM serta ibu bapa perlu bekerjasama dan bersungguh-sungguh mendedahkan kelebihan bidang ini untuk menggalakkan generasi menceburinya.
- Usaha yang berterusan diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan bidang TVET sebagai pemacu utama ekonomi negara pada hari ini.

Soalan 4

Forensik merupakan bidang yang dikaitkan dengan bidang perundangan dan penting dalam kerja-kerja siasatan dan ini digunakan bagi membantu pengumpulan bahan bukti dalam menyelesaikan kes-kes yang berkaitan. Dengan dibantu beberapa alatan yang canggih dan sesuai, bahan bukti dapat dikesan hasil daripada kesilapan yang dibuat oleh penjenayah atau suspek yang terlibat dalam kes tersebut. Mereka juga dapat ditangkap dan didakwa di mahkamah dengan seberapa segera.

Sumber: *memilihkerjaya.blogspot.com*,
Ahad, 11 Mac 2012

Petikan blog ini menunjukkan bahawa bidang kerjaya forensik ini sudah mula diminati dan dikenali oleh masyarakat pada hari ini. Hal ini membuktikan bahawa pekerjaan sebagai ahli forensik dapat memberikan peluang kepada masyarakat untuk menceburi dengan lebih mendalam lagi.

Huraikan usaha-usaha yang dapat menarik minat masyarakat untuk menceburi kerjaya dalam bidang forensik ini.

Format :Tiada

Cadangan Idea :

Pendahuluan

- Medan kerjaya yang sangat popular untuk diterokai terutama bagi mereka yang berminat dalam bidang sains, teknologi, penyiasatan dan merungkai misteri perbuatan jenayah.
- Menyelesaikan masalah-masalah yang timbul terutama berkaitan dengan jenayah, dan membantu pihak polis atau hakim mahkamah membuat tindakan susulan
- Pelbagai bidang yang ada dalam dunia forensik kerana setiap perkara yang berlaku pasti ada perbezaan kes, lokasi, bentuk jenayah dan tempoh masa itu sendiri.
- Pelbagai usaha perlu dijalankan untuk menarik masyarakat terutama golongan pelajar bagi menceburi bidang kerjaya forensik ini.

- Isi 1:
- Kempen kerjaya tentang peluang yang terdapat bidang forensik ini.
 - Sebaran maklumat ini perlu dipeluas supaya masyarakat menerima maklumat dengan tepat.
 - Membuka peluang kepada mereka yang berminat untuk menerokai ilmu yang boleh memberikan pengalaman baharu dalam dunia forensik.
 - Pelbagai kes jenayah dapat diselesaikan dengan kadar segera kerana sumber tenaga kerja yang ramai dan berpendidikan.
 - Masyarakat akan mengambil peluang untuk menceburi bidang ini kerana teknologi yang semakin canggih.

- Isi 2:
- Tawaran gaji yang lumayan kepada mereka yang terlibat dalam bidang forensik ini.
 - Kerjaya yang mencabar dan penuh ketelitian ini sewajarnya dibayar gaji yang lumayan berbanding dengan pekerjaan yang lain.

- Membuka minat kepada masyarakat untuk menceburi bidang kerjaya ini.
- Alah bisa tegal biasa kerana bidang kerjaya ini akan lebih menarik disebabkan pelbagai cabaran yang mendatang.
- Taraf hidup akan lebih meningkat kerana pendapatan yang lumayan ditambah pula dengan elaun-elaun yang lain.

Isi 3:

- Peluang kerjaya yang lain dalam bidang forensik ini.
- Banyak cabang dalam bidang forensik ini yang boleh diterokai oleh mereka yang berminat dalam bidang ini.
- Contohnya dalam bidang Kriminologi, Patologi, Psikologi Forensik, dan Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- Boleh bekerjasama dengan rakan-rakan dari luar negara yang sememangnya sangat pakar tentang forensik ini.

Isi 4:

- Penubuhan Kelab Forensik di sekolah atau IPTA.
- Mengalakkan minat murid sekolah atau mahasiswa untuk menceburi bidang ini.
- Pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan melalui persatuan ini terutama dalam aktiviti lawatan sambal belajar atau seminar.
- Melentur buluh biarlah daripada rebungnya.
- Melalui kelab ini dapat memberikan satu manifestasi tentang dunia kerjaya sebagai ahli forensik.

Isi 5:

- Sokongan dan dorongan daripada ibu bapa/ahli keluarga.
- Dapat memberikan motivasi kepada anak-anak atau ahli keluarga yang lain untuk menerokai dan menceburi dunia forensik ini.
- Membeli bahan bacaan atau membawa anak-anak ke pusat sains / hospital.
- Sentiasa berkongsi ilmu dengan anak-anak tentang forensik ini melalui pembacaan.
- Akur dengan minat atau kehendak anak-anak sekiranya mereka meminati kerjaya ini.

Penutup:

- Kerjaya dalam bidang forensik ini memberikan satu pengalaman yang sangat berharga terutama kepada diri sendiri dan juga kaum keluarga.
- Membantu menyelesaikan masalah yang berkaitan jenayah dan dengan ini dapat memberikan sumbangan yang terbaik kepada negara.
- Dapat menerokai dengan lebih mendalam ilmu ini kerana dapat menjalinkan hubungan kerja dengan rakan sekerja yang berada di negara lain.
- Diharapkan dapat meningkatkan ilmu forensik ini kerana keadaan teknologi yang semakin canggih ini akan menyebabkan pertambahan kadar jenayah.
- Sekurang-kurang seorang ahli keluarga ada yang menjadi pakar forensik dan dapat membantu keluarga menyemai budi manabur jasa kepada agama, bangsa dan negara.

KERTAS 2
BAHAGIAN A

Soalan 1 (Morfologi)**Jawapan :**

- i. Kata Hubung – dan, dari, yang, atau
- ii. Kata Pemeri – ialah, adalah

Soalan 2 (Sintaksis)**Jawapan:**

1. Boleh dibuka oleh ibu bapa atau penjaga yang merupakan warganegara Malaysia untuk anak-anak mereka akaun SSPN-i.
2. Sungguh mudah cara membuka akaun ini.
3. Akan layak memohon pinjaman pendidikan pelajar yang memiliki akaun ini.
4. Akan diberi pelepasan taksiran cukai pendapatan dan perlindungan takaful secara percuma pendeposit yang memiliki simpanan RM1000.00 dan ke atas.
5. Dijamin oleh kerajaan dan mempunyai kadar dividen yang kompetitif simpanan wang dalam skim ini.
6. Boleh membuat pengeluaran atau penutupan akaun pada bila-bila masa pendeposit.

Soalan 3 (Penyuntingan)**Jawapan:****Petikan 1:**

Kesalahan yang perlu disenaraikan		Pembetulan
i)	pada	kepada
ii)	perbagai	pelbagai/berbagai-bagai
iii)	mengalakan	menggalakkan
iv)	Di antaranya	Antaranya
v)	pendidikan jasmani	Pendidikan Jasmani
vi)	mengenengahkan	mengetengahkan
vii)	pratikal	praktikal

Petikan 2

Kesalahan yang perlu disenaraikan		Pembetulan
i)	dilaksanakan	dianjurkan/diadakan
ii)	Ini adalah	Hal ini
iii)	para pelajar-pelajar	para pelajar/pelajar-pelajar
iv)	kebolehan	bakat
v)	hingga ke	hingga
vi)	antara bangsa	antarabangsa

Soalan 4 (Bahasa Melayu Standard)**Jawapan:**

Lalu baginda pun bertitah kepada Temenggung “Wahai Temenggung, suruh semua orang berkawal dan saudagar turut berkawal di kampung masing-masing!” Temenggung pun mengarahkan pembantunya memberitahu orang kaya dan saudagar berkawal di kampung mereka. Apabila hari malam, Temenggung pun menyuruh orang-orangnya berkawal dengan menggunakan leming, perisai dan semua saudagar turut berkawal di kampung mereka.

Soalan 5 (Peribahasa)**Jawapan:**

1. bagi aur dengan tebing
2. usaha tangga kejayaan / di mana ada kemahuan, di situ ada jalan / yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang / kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
3. muafakat membawa berkat / bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]

Soalan 6 (Petikan Umum)**Jawapan:**

i) Berdasarkan Bahan 1, maksud melontarkan pandangan ialah

- menyatakan pendapat [2 m]
- menyatakan pandangan [1 m]
- melontarkan pendapat [1 m]

ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, persamaan dan perbezaan kesan teknologi maklumat kepada golongan muda ialah:

[3 markah]

Persamaan Bahan 1 dan 2:

- Penggunaan gajet dan media sosial memberikan kesan negatif kepada tahap kesihatan mental seseorang.

Perbezaan:

- Bahan 1 : Kesan negatif gajet dan media sosial kepada kesihatan mental golongan remaja
- Bahan 2 : Kesan negatif teknologi maklumat kepada kesihatan mental dan fizikal pengguna

iii) Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[3 markah]

Faedah penggunaan teknologi maklumat kepada murid :

- memudahkan urusan kerja sekolah
- sumber ilmu pengetahuan
- e-pembelajaran dengan guru dan rakan melalui pelbagai aplikasi

iv) Pada masa ini, penggunaan laman maya merupakan suatu keperluan sama ada oleh seseorang individu mahupun suatu organisasi. Malangnya, kebelakangan ini banyak kejadian jenayah siber berlaku.

Sebagai seorang anggota masyarakat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah untuk menangani jenayah siber.

[4 markah]

Langkah-langkah untuk menangani jenayah siber:

- media massa memberikan kesedaran melalui kempen dan iklan
- pihak berkuasa mengkaji dan mewujudkan undang-undang siber
- institusi pendidikan memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan siber
- pihak kerajaan bekerjasama secara multilateral dengan negara luar untuk membanteras jenayah siber
- pengguna Internet menggunakan perisian antivirus terkini
- Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (SKMM) meningkatkan keselamatan siber negara

- orang ramai melaporkan isu jenayah siber kepada pihak berkuasa
- ibu bapa memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak

Soalan 7 (Petikan Sastera)

Jawapan:

i) Berdasarkan Bahan 1, maksud *mega mendong* ialah:

- awan mengandungi/membawa hujan / redup/tidak terang

[2 m]

ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka ketika mencari rezeki:

- biduk hanyut dibawa ombak
- nelayan tersentak biduk sesat haluan
- ayam sakit
- penternak kecil terperangkap dalam jerat syarikat besar
- harga syarikat besar tentukan
- menanggung hutang
- kolek bagai buih kecil terapung di air
- menjaring sedikit rezeki

[4 m]

iii) Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara.

Pada pendapat saya, kebaikan menceburi bidang pertanian kepada negara ialah:

- memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara
- mewujudkan peluang pekerjaan
- meningkatkan pendapatan eksport negara
- mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara
- melahirkan imej yang baik untuk negara
- memelihara ekologi alam sekitar

[3 m]

iv) Sebagai seorang sahabat yang prihatin, saya akan membantu rakan untuk mengatasi masalah dengan cara :

- membantu menyediakan senarai dokumen yang berkaitan projek
- membantu mengemaskinikan kertas cadangan projek penternakan
- membantu menyediakan laporan projek penternakan
- membantu menyediakan surat tanah atau surat perjanjian sewaan tanah
- membantu menyediakan profil projek
- membantu menyediakan resume /bahan-bahan bantuan yang membantu
- menyediakan surat atau sijil kursus teknikal yang berkaitan dengan projek
- membantu mengadakan pratemuduga untuk menambah keyakinan diri
- membantu membentuk penampilan imej yang sesuai
- membantu persediaan fizikal / emosi / mental
- membantu pengetahuan dalam diri / dalami bidang projek / peka terhadap isu semasa dan pengetahuan am

[4 m]

Soalan 8 (Novel)**Jawapan:**

- (i) Kebaikan yang diperoleh oleh ibu Geetha selepas menjalani rawatan tradisional dengan datuk Lili;
- Penyakit ibu Geetha semakin sembuh.
 - Herba yang digunakan bebas daripada bahan kimia.
 - Ibu Geetha lebih konsisten dalam pengambilan herba untuk rawatan penyakitnya.
 - Ibu Geetha tidak lagi bertukar-tukar ubat yang mengakibatkan penyakitnya semakin mudarat.
- (ii) Jawapan berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon.
- Menyatakan 2 Peristiwa yang menggunakan teknik kejutan dan kepentingannya
 - 1 peristiwa + 1 teknik kejutan + kepentingan
 - 1 peristiwa + 1 teknik kejutan + kepentingan

**BAHAGIAN C: RUMUSAN
(30 markah)****Pendahuluan :**

Rumusan membincangkan (**FOKUS 1**) punca rasuah dalam kalangan masyarakat, (**FOKUS 2**) kesan rasuah dan (**FOKUS 3**) langkah-langkah mengatasinya.

BAHAN 1-PETIKAN UMUM**FOKUS 1: PUNCA**

1. kurangnya didikan agama dan moral.

FOKUS 2: KESAN

2. mencemarkan integriti dan maruah Malaysia
3. boleh menggugat keamanan serta ketenteraman masyarakat setempat mahupun negara.

FOKUS 3: LANGKAH

1. ibu bapa dan guru perlu menanamkan nilai murni dalam jiwa setiap anak tentang keburukan rasuah.
2. ibu bapa sendiri perlulah bersikap jujur kepada diri sendiri dengan menjauhi amalan rasuah.
3. pihak guru juga boleh berkongsi maklumat terkini tentang gejala rasuah ini kepada pelajar-pelajarnya sebagai pengetahuan juga sebagai teladan dalam kehidupan seharian.

BAHAN 2 - GRAFIK**FOKUS 1: Punca Utama Rasuah**

1. kegagalan pentadbiran
2. konflik kepentingan
3. kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan
4. kurang ketelusan

Kesimpulan:

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bersama-sama membentras amalan rasuah agar keamanan negara terpelihara.

SKEMA TAMAT

*KEGUNAAN
DALAMAN SAHAJA*

PANDUAN PEMERIKSAAN



MODUL CAKNA BAHASA **SPM 2021**



Diselenggara oleh :
WAN BUANAN BIN WAN HUSSAIN
bersama

GABUNGAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SE-MALAYSIA
(PLATFORM TELEGRAM BM KSSM)

Kertas 1**BAHAGIAN A****Jawapan:**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan berkait dengan semangat patriotisme. Huraikan maklumat berkait dengan semangat patriotisme.

- Patriotisme ialah satu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara. Hal ini bukan sekadar luahan perasaan tetapi menuntut kepada penghayatan oleh setiap warganegara.
- patriotisme juga bukan sekadar semangat, tetapi patriotisme merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan.
- sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Satu daripada caranya adalah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi dengan meraikan sambutan hari kemerdekaan Malaysia.
- bertemakan Masyarakat prihatin adalah melangkaui sikap prihatin terhadap kerjasama membasmi penyakit Covid-19 serta usaha kerajaan membantu kesusahan rakyat merupakan satu cara menyemai semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.
- rasa cinta akan tanah air merupakan salah satu warisan terhadap generasi akan datang. Semua pihak mempertahankan tanah air ini untuk kekal merdeka.

BAHAGIAN B**Soalan 1**

Seorang anak remaja sering dianggap boleh berdikari serta tidak memerlukan pengawasan daripada ibu bapa berbanding semasa di peringkat kanak-kanak. Tanggapan ini kadangkala menyebabkan ibu bapa terlepas pandang untuk memberikan perhatian kepada anak remaja terutamanya bagi mereka yang mempunyai anak-anak lain yang masih kecil. Oleh itu remaja yang menginginkan perhatian ini telah beralih kepada individu lain bagi mengisi kekosongan tersebut.

Sumber: Pn. Normadiniatul Shida Bt Mohd Haidin,

<http://www.myhealth.gov.my/cabaran-dalam-menangani-masalah-pergaulan-bebas-di-kalangan-remaja-sekolah/>

Pernyataan di atas menggambarkan tanggapan orang ramai terhadap remaja. Remaja sering dianggap sudah dapat berdikari dan tidak memerlukan perhatian orang yang lebih tua. Kesannya, terdapat remaja yang terjebak dengan masalah sosial.

Sebagai seorang remaja, huraikan cara-cara untuk memastikan diri anda tidak terjebak dengan masalah sosial remaja.

Jawapan:**Pendahuluan:**

- paparan di dada akhbar tentang pelbagai gejala sosial yang melibatkan pelajar boleh dianggap terlalu menyesakkan dada sejak sedekad yang lalu.
- terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka melakukan salah laku seperti ponteng sekolah, gangsterisme, vandalisme, merokok, buli, dan sebagainya.
- apakah yang boleh dilakukan oleh remaja bagi mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam lembah yang penuh ranjau ini.

Isi 1:

- mendindingkan diri dengan tembok keimanan yang kukuh.
- sebagai senjata paling ampuh bagi mengelakkan diri salah memilih jalan.
- selalu berpegang kepada kalam Allah, 'amal makruf, nahi mungkar'.
- contohnya, sentiasa mendekatkan diri dengan Pencipta seperti tidak meninggalkan solat.

Isi 2:

- memilih rakan sebaya daripada golongan yang mempunyai keperibadian yang mulia.
- kata bijak pandai ada menyebut, jika berkawan dengan orang yang menjual minyak wangi akan terkena wanginya, tetapi jika berkawan dengan orang pembuat besi, maka kita akan terkena asapnya.
- sentiasa bersikap selektif dan perlu meninjau latar belakang kehidupannya
- misalnya, bertanyakan kepada rakan-rakan juga orang yang dekat dengan mereka tentang keperibadian orang yang ingin berkawan itu.

Isi 3:

- memenuhi hati dan minda dengan ilmu yang bermanfaat
- menonton rancangan televisyen yang ilmiah, bukan hanya hiburan semata-mata
- mengelakkan diri daripada menonton rancangan dan filem yang berunsurkan seks dan aksi ganas yang melampau.
- sebagai contohnya, cerita KL Drift tidak wajar ditonton oleh pelajar kerana bimbang aksi sebegitu akan menjadi ikutan.

Isi 4:

- mengisi masa senggang dengan aktiviti yang bermanfaat
- mengelakkan daripada melepak dan ter dorong ke dalam kancang moral
- memerlukan perancangan yang rapi oleh pelajar
- misalnya, pelajar boleh menyertai aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah

Isi 5:

- berbincang dengan keluarga secara terbuka jika ada masalah
- mengelakkan hubungan dingin antara ahli keluarga - berkongsi masalah
- menghindari daripada bertindak luar batas untuk mendapatkan perhatian keluarga, terutamanya ibu bapa
- pelajar boleh meminta pendapat ahli keluarga dalam menyelesaikan masalah

Penutup:

- pelajar perlu menjaga keperibadian diri dengan baik
- elakkan disuntik oleh pengaruh luar yang sukar diubati
- mendekatkan diri dengan Tuhan dan mengetahui sebab kewujudan-Nya merupakan kunci

utama mengelakkan diri daripada terjerumus dengan kebejatan moral
 - kata hikmat: Remaja hari ini merupakan cerminan pada masa hadapan.

Soalan 2

“Penyebaran maklumat tepat daripada kepimpinan negara perlu dikongsi bersama golongan orang kurang upaya (OKU). Tidak dinafikan sumber informasi kami terhad. Hanya berita daripada stesen televisyen awam yang menyediakan bahasa isyarat dan pembacaan di Internet. Mengulas perkongsian di media sosial, saya tidak nafikan wujud kekeliruan fakta sama ada benar mahupun sebaliknya. Usaha yang berterusan bagi membantu golongan Orang Kurang Upaya merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberi sumbangan kepada negara.”

Dipetik daripada ucapan
 Tengku Arman Haris bin Tengku Ismail
Harian Metro, 8 September 2019.

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, usaha pelbagai pihak diperlukan bagi membantu golongan orang kurang upaya(OKU) dalam menempuh kehidupan seharian dan alam pekerjaan.

Jawapan:

Pendahuluan:

- Orang Kurang Upaya (OKU) ialah kanak-kanak atau orang dewasa yang cacat keadaan fizikal atau mentalnya sejak lahir atau kesan kemalangan atau penyakit tertentu
- menghalang mereka dari melakukan aktiviti-aktiviti normal seperti sosial, rekreasi , pelajaran dan pekerjaan.
- golongan Orang Kurang Upaya (OKU) secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kurang upaya secara kekal dan kurang upaya secara sementara.
- walaupun banyak kekurangan yang ada, masyarakat kurang upaya ini tidak harus dipinggirkan kerana mereka juga turut memberi sumbangan kepada negara.

Isi 1:

- masyarakat perlu menerima kehadiran golongan kurang upaya ini seadanya dan membantu mereka menjalani kehidupan dengan sebaiknya
- perlu sedar bahawa OKU tidak meminta dilahirkan dalam keadaan yang tidak sempurna malah mempunyai hak untuk hidup sama seperti orang lain
- haruslah diberi layanan yang baik kerana mereka turut mempunyai perasaan yang sama seperti insan lain - mereka tidak suka dipandang rendah dan dianggap tidak berguna
- namun begitu kita harus melayan mereka secara istimewa dalam keadaan-keadaan tertentu seperti membantu mereka melintas jalan, memberi tempat duduk di dalam kenderaan awam dan sebagainya
- ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, simpati,belas kasihan dan tolong menolong agar mereka dapat membantu OKU dengan seikhlas hati.

Isi 2:

- media massa sama ada media elektronik atau media cetak juga berperanan penting dalam membantu golongan kurang upaya
- menyiaran artikel dan rancangan khas tentang OKU kepada segenap lapisan masyarakat

-
- rancangan di TV3 seperti **Bersamamu** kerap kali memaparkan kisah sedih dan pilu OKU untuk perhatian masyarakat - perasaan masyarakat pasti akan tersentuh dan secara tidak langsung wujud perasaan simpati dan terpanggil untuk menghulurkan bantuan
 - dana dan tabung khas disediakan oleh pihak media bagi memudahkan masyarakat menyalurkan bantuan kewangan kepada OKU

Isi 3:

- kerajaan juga pula dapat membantu OKU dengan memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran dalam pelbagai bidang
- golongan Kurang Upaya (OKU) diberi peluang mengikuti latihan kemahiran seperti membaiki kenderaan dan peralatan elektrik, membuat kek, keropok dan kraf tangan di Pusat Giat Mara, Kolej Komuniti, Pusat Latihan dan Pemulihian Orang Cacat (JARO)
- OKU dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran supaya mereka dapat berdikari dan boleh bekerja sama ada makan gaji atau berniaga sendiri
- setelah mantap dalam bidang pekerjaan, mereka akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang lain membantu negara dan tidak lagi menyusahkan orang lain.

Isi 4:

- pihak swasta pula tidak boleh mengamalkan dasar pilih kasih semasa mengambil pekerja untuk berkhidmat dalam syarikat mereka
- perlu bersikap adil kerana golongan OKU juga mampu menyumbangkan kemahiran yang ada untuk memajukan syarikat tersebut
- di kilang umpamanya sudah ada OKU yang bekerja sebagai operator pengeluaran, pembantu pejabat dan kerani dimana sebelum ini kerja sebegini hanya dilakukan oleh pekerja yang normal sahaja
- Pasaraya Besar Carrefour telah mensasarkan 5 peratus daripada pekerjanya adalah OKU menjelang tahun 2010 nanti iaitu berjumlah kira-kira 200 orang.

Isi 5:

- pihak kerajaan perlu membuka peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi kepada OKU
- sistem pendidikan khas perlu diperluas kepada OKU yang berada di luar bandar supaya ibu bapa yang mempunyai anak-anak ini berpeluang menyekolahkan anak-anak mereka
- kemudahan pendidikan khas ini mestilah ditingkatkan bagi melahirkan para pelajar yang standing dengan pelajar yang normal
- pihak kerajaan juga mestilah menyediakan tempat atau kuota pengajian di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada OKU yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
- peluang ini akan meningkatkan motivasi pelajar OKU untuk mengubah nasib hidup mereka ke arah yang lebih baik pada masa akan datang dengan ilmu yang dimiliki itu.

Penutup:

- golongan OKU sangat memerlukan bantuan daripada kita semua untuk meneruskan dan memajukan diri mereka ke tahap yang lebih baik lagi
- bagi merealisasikan hasrat tersebut semua pihak terutama kerajaan, swasta dan masyarakat mestilah berganding bahu menjayakan matlamat tersebut
- sekiranya kita tidak bersungguh-sungguh membantu golongan ini sudah pasti mereka akan tersisih dalam era pemodenan negara menjelang tahun 2020 nanti
- peribahasa muafakat membawa berkat sangat sesuai diamalkan oleh masyarakat kita dalam usaha membantu golongan OKU

Soalan 3

Karya sastera sememangnya kurang mendapat tempat di hati masyarakat kerana mereka lebih berminat dengan bahan bacaan ringan. Penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah lagi dengan memperbanyak naskhah di perpustakaan supaya mudah diakses oleh murid dan guru.

Datuk Dr. Zurinah binti Hassan, Sasterawan Negara

Sasterawan Negara berpendapat bahawa penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah.

Berdasarkan pendapat tersebut, kemukakan cadangan kepada pihak sekolah tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menyuburkan minat murid terhadap karya sastera.

Jawapan**Cadangan Isi:**

1. Menggiatkan lagi Program Nilam dalam kalangan pelajar.
2. Mewajibkan subjek sastera kepada golongan pelajar tertentu.
3. Kempen kesedaran perlu dilaksanakan di peringkat sekolah.
4. Memperbanyak karya sastera di perpustakaan sekolah.
5. Menjadikan karya sastera sebagai bahan kajian kepada pelajar.
6. Menjadikan sesetengah karya sastera yang sesuai sebagai buku teks sekolah.

Soalan 4

KUALA LUMPUR (Bernama) - Kita biasa dengar pekerja kolar biru dan kolar putih tetapi ada satu lagi bidang pekerjaan yang mungkin kurang diberikan perhatian iaitu 'kolar baharu'. Kerjaya kolar baharu seperti tukang paip, juruelektrik dan penggunting rambut mungkin dianggap kerjaya kelas kedua pada waktu dahulu tetapi tidak lagi sekarang. Permintaan yang semakin meningkat untuk tenaga mahir bidang tersebut mengangkatnya ke satu tahap yang harus dibanggakan. Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran percaya bidang kolar baharu ini ialah satu peluang yang perlu direbut oleh rakyat Malaysia. Dalam satu temu bual eksklusif dengan Bernama baru-baru ini, Kula Segaran berkongsi harapan serta potensi besar kerjaya dalam bidang ini.

Disunting oleh Melati Mohd Arif – BERNAMA

Petikan akhbar menerangkan bahawa permintaan yang semakin meningkat terhadap pekerjaan kolar baharu perlu direbut oleh rakyat Malaysia. Pekerjaan ini menjanjikan prospek yang lebih baik dan mampu mengangkat pekerja kolar baharu ini ke tahap yang luar biasa.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik rakyat Malaysia menceburkan diri dalam bidang pekerjaan kolar baharu.

Jawapan**Cadangan Isi**

1. Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dimartabatkan.
2. Inisiatif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) diperkenalkan oleh kerajaan.
3. Memanfaatkan sepenuhnya ILP di negara Malaysia

4. Sumber Manusia memperhebat promosi peluang kerjaya kolar baharu
 5. Kerjasama antara pihak swasta dengan kerajaan memperbanyak peluang kerjaya kolar baharu

Kertas 2
BAHAGIAN A

Soalan 1 : Morfologi

Jawapan:

	Kata Terbitan Awalan	Kata Terbitan Akhiran
1	<u>menimba</u>	<u>harian</u>
2	<u>mencari</u>	<u>halangan</u>
3	<u>diserang</u>	<u>makanan</u>
4	<u>penyakit</u>	<u>pasaran</u>
5	<u>membeli</u>	
6	<u>selepas</u>	
7	<u>diambil</u>	
8	<u>terjamin</u>	

Soalan 2- Sintaksis

Jawapan:

- Suraya menyapa Azlin lalu mengatakan bahawa mereka sudah lama tidak berjumpa dan bertanyakan khabarnya.
- Azman menafikan dakwaan guru disiplin lalu mengatakan bahawa dia tidak pernah terlibat dalam kes pergaduhan dan semua hal itu fitnah orang lain yang mencemburuinya.
- Syamala menjerit dan meminta tolong kerana adiknya terjatuh ke dalam longkang.
- Ibu meluahkan perasaannya yang sungguh risau kerana baru-baru ini, kes Covid-19 semakin meningkat.

Soalan 3 (Penyuntingan)

Jawapan:

- bukan - belum
- dinegara - di negara
- menerap - menerapkan
- di mana - di mana-mana
- naskah - naskhah
- kosong - lapang
- baucer - baucar
- umum - awam
- mempastikan - memastikan
- kajian - pengajian
- memperolehi - memperoleh
- kurangan - potongan
- maha siswa - mahasiswa

Soalan 4 (Bahasa Standard)**Jawapan**

Kertala Sari pun berdiri di atas kepala Laksamana itu, katanya, “Aku terpijak pula bangkai ini!”

Sedangkan Laksamana itu tidur dengan kerisnya yang sudah terhunus, lalu dia bangun melompat dan menikam dada Kertala Sari menembusi terus ke belakangnya.

Laksamana pun berkata, “Cis, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, dihunus kerisnya lalu mengusir Laksamana.

Dua tiga langkah dia pun rebah terjerumus lalu mati.

SOALAN 5: Peribahasa**Jawapan:**

- (i) sekali air bah sekali pasir berubah
- (ii) sudah jatuh ditimpa tangga
- (iii) bagai pahat dengan penukul

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**Soalan 6****Jawapan**

- i) Berdasarkan Bahan 2, maksud *mentaliti masyarakat* ialah **pemikiran rakyat**.
- ii) Usaha-usaha:
 - kerajaan mengadakan kempen dan promosi di dalam dan luar negara,
 - mewujudkan pusat pengumpulan barang kraf, memberi peluang kepada pengusaha industri kraf tangan untuk mengkomersialkan hasil keluaran mereka dan memberikan pinjaman kewangan.
- iii) Manfaat industri kraf tangan:
 - menjadi menjadi sumber pendapatan mereka
 - mewujudkan masyarakat yang kreatif dan inovatif
 - mengekalkan warisan dan budaya masyarakat yang sedia ada.
- iv) Perkara sedemikian berlaku disebabkan oleh:
 - sumber bahan mentah semakin berkurangan untuk menghasilkan kraf tangan.
 - ibu bapa juga kurang memberi pendedahan dan memupuk minat anak-anak tentang penggunaan kraf tangan.
 - sektor ekonomi negara pada hari ini cenderung kepada penggunaan barang yang lebih moden berbanding penggunaan kraf tangan.

Soalan 7

i) Maksud rangkai kata *jati diri mengakar teguh* ialah **identiti mendalam dan kukuh**.

ii) Tindakan yang dilakukan oleh Alias dan seorang bapa:

Bahan 2

- Alias pergi ke rumah Som untuk mengambil nota dan menyalin kerja rumah yang diberikan oleh Cikgu Sunan

Bahan 3

- seorang bapa telah bertindak menghantar anak gadisnya ke universiti untuk menyambung pelajaran membuktikan bahawa dia sangat mementingkan pendidikan kepada anaknya.

iii) Pada pendapat saya:

- ibu bapa sentiasa mengikuti perkembangan akademik anak-anak dengan membuat semakan slip peperiksaan dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS)
- ibu bapa sentiasa menghantar anak-anak ke kelas tuisyen berbayar untuk memantapkan lagi pemahaman anak-anak mereka
- ibu bapa sentiasa melengkapkan peralatan dan bahan pembelajaran anak-anak seperti kamus, set geometri, buku rujukan, kalkulator dan sebagainya

iv) Sebagai rakan yang prihatin, saya akan:

- memaklumkan kepada kaunselor sekolah tentang masalah sebenar yang dihadapi oleh rakan saya itu
- mencadangkan kepada Guru Penolong Kanan HEM agar satu kutipan derma kilat dilakukan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh rakan saya
- memaklumkan kepada guru biasiswa agar rakan saya diberikan bantuan berbentuk biasiswa bagi mengelakkan dia terus tercicir daripada pendidikan.

Soalan 8 (Novel)**Skema Jawapan:**

i) Perkara yang diceritakan oleh Kak Mimah kepada Lili:

- tabiat pemakanannya yang tidak seimbang sejak remaja
- dia berpegang kepada prinsip selagi hidup nikmatilah makanan kerana ajal maut di tangan Tuhan.

ii) Cadangan pemarkahan:

- beri 1 markah bagi setiap **peristiwa**
- beri 1 markah bagi setiap **sebab peristiwa itu menarik**
- markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap isi).
- markah bahasa maksimum 2.
- markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah

BAHAGIAN C

Soalan 9 (Rumusan)

Skema Jawapan:

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan (FOKUS 1) punca-punca berlakunya kes buli, dan (FOKUS 2) langkah-langkah menangani masalah buli di sekolah.

Bahan 1: Petikan Umum

Fokus 1: Punca-punca

1. Supaya individu lain mematuhi dan menghormati mereka
2. Pengaruh rakan sebaya dan saiz tubuh yang besar dan tegap
3. Berasa dirinya tidak selamat jika tidak berbuat sesuatu yang boleh melindungi dirinya daripada perkara yang tidak diingini.
4. Sikap pelajar yang menjadi mangsa buli tetapi tidak melaporkan masalahnya kepada pihak sekolah

Fokus 2: Langkah-langkah

1. Kementerian Pendidikan digesa supaya mewujudkan dasar antibuli di sekolah-sekolah
2. Pihak sekolah melaksanakan sendiri tinjauan terhadap kejadian buli di sekolah masing-masing.
3. Ibu bapa perlu berbincang dengan guru sekiranya anak-anak mereka bertukar sikap
4. Pihak sekolah boleh menyediakan "Kotak Aduan"
5. Program antibuli juga perlu diterapkan di dalam kelas
6. Kaunselor memanggil pembuli dan mangsa untuk diberikan kaunseling

Bahan 2: Grafik

Fokus 1: Punca-punca

1. Meniru aksi negatif dalam filem
2. Tidak berjaya dalam pelajaran, nakal dan mempunyai masalah disiplin

Fokus 2: Langkah-langkah

1. Kajian reaksi perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan kes buli.

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah mengatasi masalah buli agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia.

**TIDAK BOLEH DICETAK
UNTUK TUJUAN KOMERSIAL**



01 Berasaskan item format baru soalan KSSM

02 5 set soalan yang menepati format Bahasa Melayu KSSM

03 Mesra tema buku teks baru Bahasa Melayu KSSM

04 Sesuai untuk latihan topikal dan latihan kendiri

05 Hasil gabungan tenaga guru-guru BM Se-Malaysia



Hak cipta Gabungan Guru-guru Bahasa Melayu
Kumpulan Telegram BM KSSM T4 & T5

